



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGARUH PENDIDIKAN FORMAL DALAM CERPEN NISAH HARON
DAN AIDIL KHALID BERDASARKAN KERANGKA KONSEPTUAL KATA
KUNCI**

NORSUHAIDA BINTI ISMAIL

FBMK 2019 40



**PENGARUH PENDIDIKAN FORMAL DALAM CERPEN
NISAH HARON DAN AIDIL KHALID BERDASARKAN
KERANGKA KONSEPTUAL KATA KUNCI**

Oleh

NORSUHAIDA BINTI ISMAIL

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi syarat keperluan untuk
Ijazah Master Sastera

Mac 2019

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang
Pada-Mu ku panjatkan syukur

Kalimah bicara khas buat insan yang tersayang
Ayahanda dan Bonda yang dikasihi

ISMAIL BIN ABD RASHID dan HASNAH BINTI ZAKARIA

Terima kasih tidak terhingga anakanda ucapkan
Di atas segala tunjuk ajar dan didikan yang diberikan

Suamiku

NIK FAZRUL AZRI BIN NIK AZIS

Kesabaran, kasih sayang, pengorbanan dan keikhlasan akan berkekalan ke akhir hayat

Adik-beradikku

MUHAMAD ALADIN BIN ISMAIL dan ISTERI, JUNAIDAH BINTI IBRAHIM

Segala galakan dan sokongan yang diberikan ku genggam erat
Suka-duka kalian menjadi pendorong kejayaan dalam kehidupanku

Anak saudaraku

MOHD FAISAL BIN MUHAMAD ALADIN

Moga kejayaan ini menjadi inspirasi buatmu

Kepada pensyarah pembimbing

PROF. MADYA DR. MOHD ZARIAT BIN ABDUL RANI dan DR. SALMAH JAN BINTI NOOR MUHAMMAD

Terima kasih di atas segala dorongan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan
Ilmu yang kau curah membawa hasil
Semoga segala jasa yang dicurahkan akan diberkati Allah hendak-Nya.

Buat teman-temanku:

MOHD FIRDAUS BIN CHE YAACOB, MUNA AFIFAH BINTI ZULKIFLI, NURUL HILWANY BINTI CHE SHAFFINE, ROZITA BINTI MOHAMED NOOR, NURSUHADA BINTI ARIFIN dan SAHABAT SEPERJUANGAN

Ribuan terima kasih diucapkan

Sedia berkongsi idea dan suka-duka bersamaku

Segala kenangan kita bersama sentiasa dalam ingatan

Hanya **ALLAH SWT** yang mampu membalas segala **BUDI** dan **JASA** kalian
Semoga Allah memberkati kita semua di dunia dan di akhirat

Wassalam.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

**PENGARUH PENDIDIKAN FORMAL DALAM CERPEN
NISAH HARON DAN AIDIL KHALID BERDASARKAN
KERANGKA KONSEPTUAL KATA KUNCI**

Oleh

NORSUHAIDA BINTI ISMAIL

Mac 2019

Pengerusi : Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Tesis ini bertitik tolak daripada pengamatan awal yang mendapati kajian-kajian sedia ada berkaitan kegiatan penulisan kreatif lebih menonjolkan peranan pendidikan tidak formal, terutamanya pengalaman peribadi sebagai sumber penting dalam penulisan. Lanjutan daripada pengamatan ini, kajian ini menghujahkan bahawa pendidikan formal yang dimiliki oleh penulis memainkan peranan yang tidak kurang penting dalam mempengaruhi kegiatan penulisan kreatif mereka. Bagi memperkuatkannya hujah ini, kajian ini menarik perhatian kepada orang penulis yang telah mencipta nama yang tersendiri dalam dunia penulisan kreatif di negara ini, iaitu Nisah Haron dan Aidil Khalid, yang kedua-duanya merupakan penulis kreatif yang menerima pendidikan formal dalam bidang undang-undang. Tumpuan terhadap Nisah Haron dan Aidil Khalid ini diperkuatkannya dengan pengamatan awal terhadap persepsi serta komen umum daripada pembaca yang rata-rata menganggap karya-karya mereka banyak dipengaruhi oleh pendidikan formal dalam undang-undang yang dimiliki kedua-duanya. Hal ini dengan sendirinya mengundang sebuah kajian ilmiah yang menganalisis secara sistematis soal pengaruh pendidikan formal dalam cerpen-cerpen Nisah Haron dan Aidil Khalid. Pemilihan genre cerpen diasaskan pada justifikasi bahawa kedua-dua penulis ini dilihat lebih menyerlahkan dalam genre sastera tersebut berbanding genre-genre sastera yang lain. Justeru, cerpen-cerpen yang dijadikan sebagai bahan kajian ialah "Impian Tsu-Ryi" (2002) dan "Afidavit Emosi" (2002) karya Nisah Haron, dan "Bila Adik Dinie Melatah" (2008) dan "Res Judicata" (2011) karya Aidil Khalid. Kajian ini distrukturkan untuk merealisasikan dua objektif kajian. Pertama, menganalisis pengaruh pendidikan formal dalam cerpen-cerpen karya Nisah Haron dan Aidil Khalid. Kedua, merumuskan soal pengaruh pendidikan formal sebagai sumber penulisan kreatif dalam cerpen-cerpen karya Nisah Haron dan Aidil Khalid yang dikaji berdasarkan kerangka Konseptual Kata Kunci. Bagi merealisasikan kedua-dua objektif tersebut, kajian ini menerapkan Konseptual Kata Kunci yang dicetuskan oleh Mohammad Mokhtar Hassan, sebagai kerangka analisis. Pemilihan Konseptual Kata Kunci diasaskan kepada tiga prinsip yang ditawarkannya, iaitu prinsip "Kepengaruan",

prinsip “Pemilihan Kata” dan prinsip “Kesan”. Dengan menerapkan ketiga-tiga prinsip ini, analisis mendapati Nisah Haron dan Aidil Khalid telah memanfaatkan antaranya kelayakan akademik dan pendidikan formal, selain pengalaman kerja dan kerjaya mereka dalam menulis cerpen-cerpen yang dikaji. Analisis juga mendapati bahawa kedua-dua penulis telah menghadirkan istilah-istilah yang secara khusus merujuk kepada bidang undang-undang. Hal ini menimbulkan kesan yang ketara bahawa penulisan cerpen-cerpen yang dikaji rata-rata dipengaruhi oleh pendidikan formal yang dimiliki oleh kedua-dua penulis. Dengan dapatan-dapatan daripada analisis ini, kajian ini berhasil dalam merumuskan bahawa cerpen-cerpen yang dikaji rata-rata dipengaruhi oleh pendidikan formal yang dimiliki oleh Nisah Haron dan Aidil Khalid. Kajian ini berserta penemuan-penemuannya diharapkan dapat memberikan sumbangan dalam memperkayakan lagi korpus penyelidikan dan sekali gus memperluaskan lagi sempadan penyelidikan berkaitan penulisan kreatif dalam kesusastraan Melayu.

Abstract of thesis presented to Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts.

**THE INFLUENCES OF FORMAL EDUCATION IN THE SHORT STORIES
OF NISAH HARON AND AIDIL KHALID BASED ON THE FRAMEWORK
OF “KONSEPTUAL KATA KUNCI” (*KEYWORDCONCEPTUAL*)**

By

NORSUHAIDA BT ISMAIL

March 2019

Chairman : Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD
Faculty : Modern Language and Communication

This thesis stems from the early observations on the studies regarding creative writing that largely emphasized on the role of the informal education especially personal experiences as a source of ideas in creative writings. Based on this observation, this study argues that the writer's formal education also important in creative writing. In order to strengthen this contention, this study draws attention towards two distinctive writers who are known in the country who are Nisah Haron and Aidil Khalid. Both of them are writers who have received formal education in field of law. Most of the general readers perceived and commented that those two authors' writings are significantly influenced by their formal education. This naturally invites an academicals study that systematically analyzes the influences of formal education in the creative works of Nisah Haron and Aidil Khalid. The choice of short stories genre are justified by the fact that both of them are more shining in the genre compared to other literary genres. Therefore, “Impian Tsu-Ryi” (2002) and “Afidavit Emosi” (2002) written by Nisah Haron, as well as short stories “Bila Adik Dinie Melatah” (2008) and “Res Judicata” (2011) by Aidil Khalid were being studied. Thus, this study is structured to realize two objectives of this study. Firstly, to analyze the influences of formal education in the short stories written by Nisah Haron and Aidil Khalid. Secondly, to conclude the influences of formal education as a source of creative writing in the short stories of the both writers based on the framework of “KONSEPTUAL KATA KUNCI” (Keyword Conceptual- hereafter KKK). In order to achieve both of these objectives, this study chooses to apply the KKK initiated by Mohammad Mokhtar Hassan as the analytical framework. The selection of this analysis framework is based on the three principles that the KKK has to offer: the principle of “Kepengaruan” (Influence), the “Pemilihan Kata” (*Word Selection*) principle and the “Kesan” (*Impression*) principle. By applying the three principles, this study concludes that Nisah Haron and Aidil Khalid have applied their academic qualifications and formal educations as well as working experience and carrier in writing the studied short stories. The analysis also finds that the two writers had utilised specifies terminologies in the field of law. These findings have given an clear impression that the studied short

stories are well influenced by the writer's formal education. With all these findings, this research concludes that the studied short stories are mostly influenced by the formal education possessed by Nisah Haron and Aidil Khalid. The research with all the findings is expected to provide vital contributions in enhancing the corpus of research as well as enlarge the boundary of research on creative writings in Malay literature.



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Bismillahirrahmannirrahim
Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani

Segala puji bagi Allah S.W.T., Tuhan semesta alam Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang yang menguasai hari pembalasan. Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah, sesungguhnya segala kesyukuran ini saya rafakkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana memberikan saya kesihatan yang baik, masa yang dapat dimanfaatkan, anugerah insan serta persekitaran yang membolehkan saya menyudahkan tesis sarjana ini dengan penuh kesedaran terhadap pentingnya ilmu dalam kehidupan. Tentunya, penghargaan dan rasa terima kasih ini khasnya saya dedikasikan terutamanya kepada Profesor Madya Dr. Mohd. Zariat bin Abdul Rani, penyelia tesis sarjana ini yang memperuntukkan sekian banyak masa dan komitmen terhadap proses merealisasikan tesis ini. Saya juga merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad kerana memberikan pendapat dan ulasan yang dapat menambah baik penulisan tesis ini. Walau dengan kesibukan dan keterbatasan waktu, tetapi sentiasa memberikan bimbingan demi penyempurnaan tesis ini.

Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih khas buat Nisah Haron dan Aidil Khalid yang sudi menerima kehadiran saya untuk berbincang, melayani emel-emel saya, dan mengirimkan bahan-bahan yang amat saya perlukan untuk memenuhi tuntutan kajian ini. Malah, saya cukup terhutang budi di atas kesediaan beliau berkongsi pengalaman hidup dan berkongsi koleksi bahan bacaan beliau untuk saya gunakan dalam kajian ini.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang turut membantu secara langsung dan tidak langsung. Selain itu, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada kakitangan Perpustakaan Sultan Abdul Samad (UPM), kakitangan Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (UKM), kakitangan Pusat Dokumentasi Melayu (DBP), kakitangan Pengajian Melayu dan kakitangan Perpustakaan Peringatan Za'ba (UM), kakitangan Perpustakaan Tun Sri Lanang (UKM), dan kepada semua pihak yang tidak saya nyatakan di sini. Selain itu, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) atas pembiayaan pengajian saya.

Sesungguhnya, penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ini juga saya khususnya istimewa buat bonda tercinta, Hasnah binti Zakaria yang bukan hanya berkongsi ilmu dan pengertian, tetapi turut memberi sokongan dan kepercayaan bahawa apa yang diusahakan ini merupakan suatu tanggungjawab terhadap ilmu. Ibu

yang sentiasa memberikan kepercayaan dan keizinan untuk saya mencapai cita-cita. Sekali pun sepanjang tesis ini saya usahakan, bukan sedikit masa untuknya yang saya ambil. Seterusnya, terima kasih sekalung budi buat ayahanda tercinta, Ismail bin Ab Rashid yang tidak pernah berhenti mendoakan kejayaan saya. Ayahanda juga bukan sahaja memberi sokongan dan dorongan, malahan pada masa yang sama turut membantu dari segi kewangan dalam menyiapkan tesis ini. Mengambil iktibar dari pengorbanan ini, memberi saya kekuatan untuk meneruskan minat berusaha menuntut ilmu sehingga usia meniti senja. Sanjungan dan penghargaan istimewa untuk suami tersayang En. Nik Fazrul Azri bin Nik Azis atas kesetiaan, ketabahan, pengorbanan dan kasih sayang yang tiada hentinya. Jadikan kejayaan ini satu inspirasi di masa hadapan dan terus melakar kejayaan demi kejayaan. Begitu juga kepada abang saya, Muhamad Aladin dan ahli keluarga yang lain, doa yang kalian titipkan agar tesis ini berjaya disiapkan, akan sentiasa dikenang. Juga terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi sokongan moral. Selanjutnya kepada semua pihak yang tidak dapat disebut satu persatu, saya mengucapkan ribuan terima kasih. Semoga Allah S.W.T. membalas segala budi baik yang diberikan walaupun sebesar zarah akan mendapat keberkatan-Nya. Amin.

NORSUHAIDA BINTI ISMAIL (GS37523)

No 54, Kampung Jeli Dalam,
17600 Jeli,
Kelantan Darul Naim.
019-5440867 (HP)
yaabulat@yahoo.com (E-mel)

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbas dengan perisian pengesahan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Norsuhaida binti Ismail (GS37523)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : Mohd. Zariat bin Abdul Rani

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Salmah Jan binti Noor Muhammad

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI SINGKATAN	xiv
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Sorotan Literatur	2
1.3 Permasalahan Kajian	12
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Kaedah Kajian dan Kerangka Analisis	15
1.6 Justifikasi Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian	16
1.7 Definisi Operasional	17
1.7.1 “Pendidikan Formal”	17
1.7.2 “Pendidikan Tidak Formal”	19
1.7.3 Genre “Cerpen”	20
1.8 Organisasi dan Pembahagian Bab	21
2 KONSEPTUAL KATA KUNCI: SATU KERANGKA ANALISIS	23
2.1 Pengenalan	23
2.2 Konseptual Kata Kunci: Latar Belakang Ringkas	23
2.3 Konseptual Kata Kunci: Beberapa Definisi Penting	24
2.3.1 “Konseptual”	24
2.3.2 “Kata Kunci”	25
2.4 Prinsip-Prinsip dalam Konseptual Kata Kunci	27
2.4.1 Prinsip “Kepengaruan”	27
2.4.2 Prinsip “Pemilihan Kata”	28
2.4.3 Prinsip “Kesan”	30
2.5 Kesimpulan	31
3 NISAH HARON DAN AIDIL KHALID SEBAGAI PENULIS YANG BERPENDIDIKAN FORMAL DALAM BIDANG UNDANG-UNDANG	33
3.1 Pengenalan	33
3.2 Biografi Nisah Haron	33
3.2.1 Latar Belakang Keluarga	33
3.2.2 Pendidikan Nisah Haron	34
3.2.3 Pengalaman Kerja dan Kerjaya	34
3.2.4 Pembacaan dan Penulisan	37
3.2.5 Anugerah Penulisan dan Pencapaian	39

3.3	Kegiatan Penulisan	41
3.4	Biografi Aidil Khalid	44
3.4.1	Latar Belakang Keluarga	44
3.4.2	Pendidikan Aidil Khalid	44
3.4.3	Pengalaman Kerja dan Kerjaya	45
3.4.4	Pembacaan dan Penulisan	46
3.4.5	Anugerah Penulisan dan Pencapaian	47
3.5	Kegiatan Penulisan	48
3.6	Kesimpulan	50
4	ANALISIS PENGARUH PENDIDIKAN FORMAL DALAM CERPEN NISAH HARON DAN AIDIL KHALID BERDASARKAN KERANGKA KONSEPTUAL KATA KUNCI	51
4.1	Pengenalan	51
4.2	Analisis Cerpen “Impian Tsu-Ryi” Karya Nisah Haron	51
4.2.1	Analisis Berdasarkan Prinsip “Kepengaruan”	52
4.2.1.1	Pendidikan dan Kelayakan Akademik	52
4.2.1.2	Pengalaman Kerja dan Kerjaya	53
4.2.1.3	Pembacaan dan Penulisan	56
4.2.1.4	Impian dan Cita-Cita	57
4.2.1.5	Personaliti dan Pembawaan Diri	59
4.2.2	Analisis Berdasarkan Prinsip “Pemilihan Kata”	60
4.2.3	Analisis Berdasarkan Prinsip “Kesan”	63
4.3	Analisis Cerpen “Afidavit Emosi” Karya Nisah Haron	63
4.3.1	Analisis Berdasarkan Prinsip “Kepengaruan”	64
4.3.1.1	Pendidikan dan Kelayakan Akademik	64
4.3.1.2	Pengalaman Kerja dan Kerjaya	66
4.3.1.3	Personaliti dan Pembawaan Diri	68
4.3.2	Analisis Berdasarkan Prinsip “Pemilihan Kata”	69
4.3.3	Analisis Berdasarkan Prinsip “Kesan”	71
4.4	Analisis Cerpen “Bila Adik Dinie Melatah” Karya Aidil Khalid	71
4.4.1	Analisis Berdasarkan Prinsip “Kepengaruan”	72
4.4.1.1	Pendidikan dan Kelayakan Akademik	72
4.4.1.2	Pengalaman Kerja dan Kerjaya	73
4.4.1.3	Pembacaan dan Penulisan	74
4.4.1.4	Personaliti dan Pembawaan Diri	76
4.4.2	Analisis Berdasarkan Prinsip “Pemilihan Kata”	77
4.4.3	Analisis Berdasarkan Prinsip “Kesan”	79
4.5	Analisis Cerpen “Res Judicata” Karya Aidil Khalid	79
4.5.1	Analisis Berdasarkan Prinsip “Kepengaruan”	80
4.5.1.1	Pendidikan dan Kelayakan Akademik	80
4.5.1.2	Pengalaman Kerja dan Kerjaya	81
4.5.2	Analisis Berdasarkan Prinsip “Pemilihan Kata”	82
4.5.3	Analisis Berdasarkan Prinsip “Kesan”	84

5	DAPATAN DAN RUMUSAN	85
BIBLIOGRAFI		93
LAMPIRAN		96
BIODATA PELAJAR		143

SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
IIUM	Universiti Islam Antarabangsa
IPBA	Institut Perguruan Bahasa-bahasa Antarabangsa
ITBM	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
JPNS	Jabatan Pelajaran Negeri Selangor
KKK	Konseptual Kata Kunci
MABOPA	Persatuan Penerbit Buku Malaysia
MASTERA	Majlis Sastera Asia Tenggara
MPR	Minggu Penulis Remaja
PEN	Penulis Negeri Sembilan
SRP	Sijil Rendah Pelajaran
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kegiatan penulisan karya kreatif dikatakan banyak bergantung pada idea yang ingin disampaikan oleh seseorang penulis. Idea penulisan itu pula diperoleh daripada pelbagai sumber. Dalam konteks ini, “pendidikan tidak formal” atau lebih kerap disebut sebagai “pengalaman peribadi” rata-rata dianggap sebagai sumber penulisan yang utama dalam kegiatan penulisan karya kreatif. Tanggapan ini umpamanya jelas pada pengakuan para penulis kreatif sendiri. Sasterawan Negara A. Samad Said (seterusnya Samad), antaranya mengakui sendiri bahawa karya-karya beliau banyak didasarkan kepada pengalaman peribadinya sendiri. Dalam bukunya bertajuk *Dari Salina ke Langit Petang* (1979: 60), Samad mengakui bahawa pengalaman beliau hidup ketika zaman perang dunia kedua membolehkan dia untuk menulis karya-karyanya. Justeru, tema peperangan ini dilihat amat sinonim dengan karya-karya kreatif Samad. Novel-novel Samad dikatakan banyak memanfaatkan perihal sejarah tanah air, terutamanya tentang perang dan kesan-kesannya. Pengalaman ketika perang yang dilalui oleh Samad diceritakan dalam novel-novelnya seperti *Salina* (1989) dan *Sungai Mengalir Lesu* (1997). Hal ini diakui sendiri oleh Samad, sebagaimana yang dikutip dalam Lampiran A, No 1. Samad mengulangi pendirian yang sama dalam bukunya yang bertajuk *Antara Bulan dan Wira* (1992), sebagaimana yang dikutip dalam Lampiran A, No 2.

Pengakuan yang sama turut diungkapkan oleh Azizi Haji Abdullah (seterusnya Azizi), seorang novelis terkenal tanah air. Dalam bukunya yang bertajuk *Kuras-Kuras Kreatif* (2007: 40), Azizi mengakui bahawa karya-karya beliau banyak didasarkan kepada pengalaman peribadinya, sebagaimana yang dikutip dalam Lampiran A, No 3.

Menurut Azizi lagi, beliau mengambil unsur alam yang diamati melalui pengalamannya sendiri untuk diceritakan dalam karya-karya kreatifnya. Unsur alam yang dimaksudkannya itu ialah tumbuh-tumbuhan, laut, sungai, gunung, angin, hujan, serta empat unsur alam, iaitu api, air, tanah dan angin. Unsur-unsur alam di atas dianggap telah memberikan pengaruh dan melahirkan idea penulisan kepada Azizi, sebagaimana yang dikutip dalam Lampiran A, No 4.

Selain Samad dan Azizi, Shahnon Ahmad (seterusnya Shahnon) yang juga turut memberikan pandangan yang hampir sama. Dalam bukunya yang bertajuk *Weltanschauung Suatu Perjalanan Kreatif* (2008: ix), Shahnon menjelaskan bahawa penulisan karya-karya kreatif beliau juga berdasarkan kepada pengalaman peribadinya. Menurut Shahnon, kematangan dan kedewasaan dalam perjalanan kreativitinya membolehkan beliau untuk menimbulkan konflik-konflik yang menjadi tunjang dalam karyanya selama ini, sebagaimana yang dijelaskan oleh Shahnon dalam petikan yang dikutip dalam Lampiran A, No 5.

Demikian juga halnya dengan Arena Wati (seterusnya Arena) yang turut berpendapat bahawa karya-karya kreatifnya adalah bersumberkan pengalaman peribadinya. Dalam bukunya bertajuk *Cerpen Pengalaman dan Tanggapan* (1995: 14), Arena menjelaskan bahawa beliau merupakan seorang bekas nelayan, dan pengalaman peribadinya itu diceritakan semula dalam karya-karyanya. Selain pengalaman sebagai nelayan, Arena juga pernah menjadi penolong pengurus percetakan di sebuah syarikat penerbitan di Johor Baru. Pengalaman kerjanya itu kemudiannya diabadikan dalam sebuah cerpen nukilan beliau berjudul “Kenang-kenangan” (1959), sebagaimana yang dijelaskan oleh Arena Wati dalam petikan yang dikutip dalam Lampiran A, No 6.

Pengamatan terhadap pandangan para penulis kreatif di atas menjelaskan bahawa pendidikan tidak formal atau sering diungkapkan pengalaman peribadi rata-rata dianggap sebagai sumber penulisan yang penting dalam penulisan karya kreatif. Tanggapan sedemikian turut diperkuuhkan oleh sejumlah kajian ilmiah yang mengkaji karya-karya kreatif. Bahagian seterusnya akan menyoroti kajian-kajian ilmiah yang relevan.

1.2 Sorotan Literatur

Sorotan ini dimulakan dengan meneliti tesis kedoktoran oleh Kasmaizun Enuni Binti Mohd Sarji (seterusnya Kasmaizun) bertajuk “Unsur Alam dalam Kumpulan Cerpen Pilihan Siti Zainon Ismail” (2018). Tesis Kasmaizun ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa kajian terhadap karya-karya Siti Zainon Ismail yang sering diketengahkan oleh tokoh-tokoh sastera kebanyakannya dilihat dalam puisi-puisi Siti Zainon Ismail dan ini dapat dianggap “bias” kepada genre yang lain. Oleh hal demikian, tesis Kasmaizun ini akan mengkaji unsur alam secara lebih terperinci dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Bagi merealisasikan usaha ini, tesis ini menetapkan tiga objektif. Pertama, mengenal pasti unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Kedua, menganalisis makna unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Dan ketiga, merumuskan kepengaruan berdasarkan pengungkapan unsur alam dalam kumpulan cerpen pilihan Siti Zainon Ismail. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis Kasmaizun memilih untuk menganalisis tiga kumpulan cerpen iaitu *Jurai Palma* (2001), *Piazza Di Spagna* (2005) dan *Rindu Pala Muda* (2006). Tesis Kasmaizun memilih untuk menerapkan teori Konseptual Kata Kunci yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan untuk melihat konsepsi pengarang terhadap alam. Analisis berhasil mencapai objektifnya dengan penemuan unsur alam flora, fauna, air, tanah dan cakerawala. Alam flora yang ditemui ialah sebanyak lapan unsur iaitu pohon, daun, duri, pucuk, akar, benih, buah dan bunga. Manakala alam fauna yang ditemui pula ialah sebanyak lapan unsur iaitu burung, ikan, angsa, kupu-kupu/rama-rama, labah-labah, sapi, unta dan kuda. Seterusnya, alam air pula telah menemui empat unsur iaitu laut, sungai, ombak dan hujan. Manakala alam tanah pula ditemui sebanyak tiga unsur iaitu pulau, bukit dan gunung. Terakhir ialah alam cakerawala telah menemui tiga unsur iaitu bintang, bulan dan matahari. Tesis Kasmaizun turut merumuskan bahawa konsepsi terhadap alam dalam cerpen-cerpen Siti Zainon Ismail dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya latar belakang keluarga, latar belakang pekerjaan, hobi, pengalaman dan pengembalaan yang dilaluinya sendiri. Dengan kata lain, tesis ini cenderung bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber

penting dalam penulisan cerpen-cerpen Siti Zainon Ismail yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 7.

Seterusnya, pengamatan ini diteruskan terhadap tesis kedoktoran oleh Azhar Bin Hj. Wahid (seterusnya Azhar) yang bertajuk “Novel-novel A. Samad Ismail: Suatu Analisis Teori Strukturalisme Genetik-Hegemoni” (2009). Tesis Azhar ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa kajian tentang ketokohan dan karya kreatif A. Samad Ismail masih banyak yang belum dibicarakan. Dalam hal ini, Azhar berpendapat bahawa kajian sedia ada pada ketika itu cenderung membicarakan penglibatan A. Samad Ismail dalam penggerakan kesusasteraan Melayu pada zaman Jepun, selain peranannya dalam ASAS 50. Bertitik tolak daripada itu, tesis Azhar ini hadir untuk memberi interpretasi terhadap novel-novel A. Samad Ismail, dengan menerapkan Teori Strukturalisme Genetik oleh Lucien Goldmann dan Teori Hegemoni oleh Antonio Gramsci. Teori Strukturalisme Genetik diterapkan bagi melihat hubungan sesebuah karya sastera mempunyai ikatan dengan ideologi sosial yang berkuasa. Manakala, Teori Hegemoni pula dijadikan sebagai pelengkap untuk melihat intelektualisme yang mendukung pandangan dunia penulis yang dikaji. Kedua-dua teori tersebut digabungkan bagi meneliti hubung kait sastera dengan masyarakat. Dengan fokus ini, tesis Azhar ini disasarkan kepada lima objektif. Pertama, membuktikan bahawa pengalaman dan persejarahan dalam karya novel-novel A. Samad Ismail merupakan cerminan sosio-budaya masyarakat. Kedua, menjelaskan berlakunya konflik kelas dalam kelompok masyarakat. Ketiga, menghuraikan pandangan dunia (*word view*) penulis yang mewakili kelompok sosial. Keempat, mengenal pasti penguasaan hegemoni intelektual mempengaruhi tatalaku penghidupan dalam masyarakat. Dan kelima, mengemukakan kesesuaian gabungan Teori Strukturalisme Genetik dan Hegemoni dalam menganalisis karya prosa moden iaitu novel. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis Azhar memilih untuk menganalisis sebelas novel A. Samad Ismail iaitu *Patah Sayap Terbang Jua* (1966), *Tembok Tidak Tinggi* (1967), *Hud* (1967), *Kail Panjang Sejengkal* (1967), *Orang Jauh* (1967), *Menduga Lautan Dalam* (1968), *Menimba Yang Jernih* (1968), *Detik-Detik Cemas* (1969), *Orang Lama* (1969), *Hussein Zet* (1970) dan *Sutinah* (1975). Analisis Azhar ini mendapat pengalaman dan persejarahan dalam karya novel-novel A. Samad Ismail merupakan cerminan sosio-budaya masyarakat. Tesis ini turut merumuskan bahawa kesemua novel A. Samad Ismail yang dianalisis berupaya menafsirkan konflik dan kontradiksi. Antaranya konflik kuasa penjajahan, konflik antara golongan tua dan golongan muda, serta konflik antara rakyat dan pemimpin dalam konteks perubahan masyarakat. Tesis ini turut menyimpulkan bahawa novel-novel A. Samad Ismail mencerminkan kesedaran masyarakat yang melingkungi penulisnya iaitu soal kemerdekaan, etika kewartawanan, kepentingan bahasa Melayu, dan perubahan nilai serta budaya masyarakat Melayu. Sebahagian besar peristiwa dalam novel-novel yang dikaji dianggap menyerahkan fungsi teks sebagai cerminan sosial-budaya yang terakam daripada pengalaman penulis. Dengan kata lain, tesis ini cenderung bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan novel-novel A. Samad Ismail yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 8.

Seterusnya, pengamatan ini diteruskan terhadap tesis kedoktoran oleh Awang Azman Bin Awang Pawi (seterusnya Azman) bertajuk “Muhammad Haji Salleh Sebagai Pengarang Pascakolonial: Analisis Teks dan Konteks” (2008). Tesis Azman ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa kajian terhadap karya-karya Muhammad Haji Salleh

(seterusnya Muhammad) daripada perspektif bacaan pascakolonial kurang mendapat perhatian. Kebanyakan kajian sedia ada dikatakan cenderung membicarakan aspek estetika dalam puisi-puisi Muhammad. Justeru, tesis ini hadir bagi memberi interpretasi terhadap karya-karya Muhammad daripada perspektif pascakolonial. Bagi merealisasikan usaha ini, tesis ini menetapkan tiga objektif. Pertama, membuktikan bahawa Muhammad adalah penulis pascakolonial dengan mengkaji sama ada tindakan dan pemikiran memenuhi ciri-ciri pascakolonial yang telah digariskan dalam teori pascakolonial. Kedua, menganalisis karya kreatif dan bukan kreatif terpilih Muhammad menggunakan kaedah bacaan pascakolonial. Dan ketiga, membuktikan kesesuaian bacaan pascakolonial dalam semua karya dan tindakan Muhammad. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis ini memilih untuk menerapkan pendekatan pascakolonial sebagai strategi pembacaan yang digariskan oleh Bill Ashcroft. Analisis berhasil dalam mengenal pasti pembacaan teks-teks pascakolonial secara spesifik. Tesis Azman turut merumuskan bahawa kesemua gambaran pascakolonial dalam karya-karya Muhammad terhasil daripada faktor pengalaman, peristiwa dan persekitaran. Selain itu, tesis Azman juga merumuskan bahawa sistem pendidikan, keadaan ekonomi, politik di bawah kolonial dan legasinya, turut membentuk sikap dan pemikiran Muhammad sebagai pengarang pascakolonial. Adalah jelas bahawa sebahagian besar peristiwa dalam karya-karya kreatif dan bukan kreatif yang dikaji menyerlahkan fungsi teks sebagai cerminan pascakolonial yang terakam daripada pengalaman yang dilalui oleh Muhammad sendiri. Dengan kata lain, tesis ini cenderung bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan karya kreatif dan bukan kreatif Muhammad yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 9.

Pengamatan ini seterusnya meneliti tesis sarjana oleh Abdul Rahim Bin Marasidi (seterusnya Rahim) bertajuk “Isu-isu Semasa dalam Karya Naratif A. Samad Ismail” (2003). Tesis ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa kajian tentang ketokohan dan karya kreatif A. Samad Ismail masih belum lengkap. Tesis ini berpendapat bahawa penelitian pada peringkat sarjana muda hanya melihat sebahagian kecil karya kreatif A. Samad Ismail, dan masih banyak yang belum dibicarakan. Manakala pada peringkat sarjana, penelitian yang agak mendalam hanya dari segi kewartawan di samping penglibatannya dalam politik. Bertitik tolak daripada permasalahan itu, tesis Rahim hadir untuk memberi interpretasi terhadap isu-isu semasa yang dapat ditemui dalam karya-karya naratif yang dihasilkan oleh A. Samad Ismail. Tesis ini menggariskan dua objektif. Pertama, memaparkan karya-karya kreatif A. Samad Ismail berdasarkan isu semasa, kenyataan dan permasalahan masyarakat. Kedua, menganalisis hubungan isu semasa, kenyataan dan permasalahan dalam karya kreatif A. Samad Ismail yang mencakupi latar belakang dan pengalaman penulis. Tesis ini meneliti 41 buah cerpen A. Samad Ismail yang diterbitkan dalam antologi berjudul *Ingin Jadi Pujangga Kumpulan Cerpen 1944-1991* (1994). Selain cerpen, tesis ini turut meneliti sebelas novel A. Samad Ismail iaitu *Patah Sayap Terbang Jua* (1966), *Tembok Tidak Tinggi* (1967), *Hud* (1967), *Kail Panjang Sejengkal* (1967), *Orang Jauh* (1967), *Menduga Lautan Dalam* (1968), *Menimba Yang Jernih* (1968), *Detik-detik Cemas* (1969), *Orang Lama* (1969), *Hussein Zet* (1970) dan *Sutinah* (1975). Tesis Rahim memilih untuk menerapkan pendekatan sosiologi sastera sebagai kerangka analisis. Analisis berupaya mengenal pasti isu-isu yang terdapat dalam masyarakat yang dikemukakan oleh A. Samad Ismail melalui karya-karyanya. Antaranya, isu Melayu raya, perjuangan golongan berhaluan kiri, penjajah, bahasa Melayu dan pemerintahan Soekarno iaitu presiden pertama Indonesia. Selain itu, tesis ini turut merumuskan bahawa cerpen dan

novel A. Samad Ismail yang dikaji memberikan beberapa gambaran tentang masyarakat antaranya masyarakat zaman perang, masyarakat subversif dan masyarakat penjenayah. Tesis ini turut mendapati bahawa sebahagian besar isu-isu semasa yang dikemukakan dalam cerpen dan novel yang dikaji adalah hasil daripada pengalaman A. Samad Ismail. Dengan kata lain, tesis ini cenderung bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan cerpen dan novel A. Samad Ismail yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 10.

Pengamatan ini seterusnya meneliti tesis sarjana oleh Rosnani Binti Md Zain (seterusnya Rosnani) bertajuk “Fenomena Sosial dalam Novel Pilihan” (2017). Tesis ini bertitik tolak daripada pertikaian mengenai kemenangan Razali Endun menerusi novel *Nenek* dalam Anugerah Hadiah Sastera Perdana 2014. Tesis ini berpendapat bahawa ada pihak yang mendakwa novel *Nenek* tidak layak memenangi anugerah tersebut kerana tidak mengetengahkan fenomena semasa. Selain itu, ada juga pihak yang mendakwa bahawa novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK lebih menepati kriteria kerana mengetengahkan persoalan semasa yang relevan dalam konteks kehidupan masyarakat hari ini. Bertitik tolak daripada permasalahan itu, tesis Rosnani hadir untuk memberi interpretasi terhadap fenomena sosial yang terdapat dalam kedua-dua novel kajian. Tesis ini menggariskan dua objektif. Pertama, mengklasifikasikan fenomena sosial dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014) dan novel *Luka Nering* karya Malim Ghazali PK (2014). Kedua, menganalisis fenomena sosial dalam novel *Nenek* (2014) dan *Luka Nering* (2014). Tesis ini meneliti novel *Nenek* (2014) dan novel *Luka Nering* (2014). Tesis Rosnani memilih untuk menerapkan kerangka teori fakta sosial yang diasaskan oleh Emile Durkheim (1938). Analisis berupaya mengenal pasti beberapa elemen fenomena sosial yang diketengahkan dalam karya Razali Endun dan karya Malim Ghazali PK. Antaranya, tatacara perhubungan dalam masyarakat, perpecahan dalam masyarakat, kebudayaan, kekeluargaan, kemiskinan, pembangunan sosioekonomi masyarakat, masalah sosial dan undang-undang tanah. Selain itu, tesis ini turut merumuskan bahawa kedua-dua novel tersebut mengetengahkan aspek fenomena sosial, namun fenomena sosial yang terdapat dalam novel *Nenek* lebih dominan berbanding dalam novel *Luka Nering*. Ini telah membuktikan bahawa novel *Nenek* sarat dengan fenomena masyarakatnya dan fenomena sosial yang diketengahkan dalam novel tersebut merupakan fenomena sezaman. Tesis ini turut mendapati bahawa sebahagian besar fenomena sosial yang dikemukakan dalam novel yang dikaji adalah hasil daripada pengalaman Razali Endun dan Malim Ghazali PK. Dengan kata lain, tesis ini cenderung bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan novel Razali Endun dan Malim Ghazali PK yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 11.

Seterusnya, pengamatan ini beralih kepada tesis sarjana Faziela Binti Abu Bakar @ Che Din (seterusnya Faziela) bertajuk “Unsur Emosi dan konflik dalam Novel Komsas Pilihan” (2016). Tesis ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa novel-novel yang dipilih, telah mencetuskan rasa tidak puah hati beberapa pengkritik, penggiat sastera, para sarjana dan lain-lain apabila teks-teks ini dijadikan sebagai bahan bacaan pelajar sekolah. Ada sesetengah individu beranggapan bahawa novel-novel ini tidak menepati objektif dan tidak sesuai untuk digunakan sebagai bahan bacaan pelajar. Tesis Faziela ini menyasarkan dua objektif. Pertama, mengenal pasti unsur emosi dan konflik bagi memenuhi keperluan remaja melalui novel KOMSAS pilihan. Kedua, menganalisis

emosi positif dan negatif bagi memenuhi keperluan remaja melalui novel remaja KOMSAS pilihan. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis Faziela menganalisis lima novel remaja iaitu *6:20* (2001) karya Siti Jasmina Ibrahim, *Merenang Gelora* (2002) karya Ruslan Ngah, *Azfa Hanani* (1995) Karya Halis Azhan Mohd Hanafiah, *Papa...(Akhirnya Kau Tewas Jua)* (2009) karya Deana Yusof dan *Cinta Madinah* (2001) karya Abu Hassan Morad. Novel-novel remaja yang dipilih oleh Faziela ini mempunyai unsur emosi dan konflik yang diterapkan oleh pengarang dalam karya yang dihasilkan. Tesis Faziela juga memilih untuk melihat unsur dari sudut emosi dan konflik yang dihadapi oleh watak dalam novel tersebut dengan menggunakan pendekatan psikologi. Dengan menerapkan pendekatan psikologi, tesis Faziela ini mendapati novel-novel yang dikaji menyelitkan pelbagai jenis emosi iaitu emosi positif dan negatif. Manakala dari sudut konflik pula Faziela mendapati konflik yang tercetus dalam novel-novel ini seperti konflik remaja dengan keluarga, konflik remaja dengan diri sendiri dan konflik remaja dengan rakan sebaya. Lebih penting lagi, tesis Faziela ini turut merumuskan bahawa unsur emosi dan konflik yang digambarkan dalam novel-novel remaja yang dikaji adalah hasil daripada pengalaman peribadi dan persekitaran yang dilalui sendiri oleh penulis. Dengan kata lain, tesis ini cenderung menyimpulkan bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan novel-novel remaja yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 12.

Seterusnya, pengamatan ini meneliti tesis sarjana oleh Nik Fazli Bin Mohamad (seterusnya Fazli) bertajuk “Puisi Melayu dalam Drama-drama Noordin Hassan” (2015). Tesis ini bertitik tolak daripada pandangan-pandangan sarjana mengenai puisi-puisi Melayu yang digunakan oleh Noordin Hassan dalam kesemua skrip dramanya. Tesis Fazli ini berpendapat bahawa karya drama Noordin Hassan memperlihatkan kehebatan dan keunikan yang terdapat dalam skrip drama Noordin Hassan iaitu wujudnya kepelbagaiannya teknik yang digunakan oleh Noordin Hassan dalam menghasilkan sesebuah karya drama dengan menerapkan dua elemen tradisi yang berbeza iaitu tradisional dan moden. Bertitik tolak daripada itu, tesis ini menggariskan tiga objektif. Pertama, mengenal pasti dan menganalisis jenis-jenis puisi Melayu dalam drama-drama Noordin Hassan. Kedua, membincangkan fungsi-fungsi puisi Melayu dalam drama-drama yang dikaji. Ketiga, mengaplikasikan teori konseptual kata kunci dalam kajian. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis ini menganalisis 15 buah skrip drama, antaranya diterbitkan oleh Dewan Sastera dan Pustaka dan dua daripadanya merupakan drama eceran yang diterbitkan dalam *Dewan Sastera*. Tesis Fazli ini memilih untuk mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci sebagai kerangka analisis. Tesis ini mendapati bahawa Fazli telah menemui 11 buah puisi Melayu. Puisi tersebut ialah puisi tradisional sebanyak 10 dan 1 buah puisi moden iaitu sajak. Menerusi teori Konseptual Kata Kunci yang diterapkan oleh Fazli dalam kajian ini telah berjaya menemui beberapa kata kunci untuk menjelaskan tentang fungsi-fungsi puisi yang digunakan oleh Noordin Hassan. Fungsi tersebut dilihat sebagai nilai keindahan, nasihat dan pengajaran serta hiburan dan pemerian. Tesis Fazli ini turut merumuskan bahawa kejayaan Noordin Hassan menghasilkan skrip drama yang menggunakan seni persembahan puisi Melayu di atas dikemukakan berdasarkan pengalaman peribadi dan persekitarannya yang dilalui sendiri. Dengan kata lain, tesis ini cenderung bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan puisi dalam drama-drama Noordin Hassan yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 13.

Seterusnya ialah tesis sarjana oleh Mohd Daud Bin Ibrahim (seterusnya Mohd) yang bertajuk “Cinta Kepada Ilahi dalam Puisi Darma Mohamad” (2015). Tesis ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa kehadiran penyair-penyair Islamik yang cukup disegani seperti Suhaimi Haji Muhammad, Ahmal Kamal Abdullah dan Darma Muhammad membawa pengolahan yang berbagai-bagai berhubung sesebuah karya yang dihasilkan. Tesis Mohd berpendapat bahawa sehingga kini kajian yang menyeluruh tentang puisi-puisi Darma Mohammad masih kurang berbanding penyair-penyair Islamik yang lain seperti Suhaimi Haji Muhammad, Ahmad Kamal Abdullah, Nahmar Jamil dan beberapa orang lagi. Justeru, tesis ini timbul persoalan mengapa puisi-puisi Darma Mohammad masih tidak mendapat perhatian yang menyeluruh dalam sesebuah kajian. Sedangkan dari sudut kepenyairannya, Darma Mohammad telah diperakui cukup prolifik menghasilkan puisi-puisi Islamik. Bertitik tolak daripada itu, tesis Mohd ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis cinta kepada Ilahi dalam puisi-puisi Darma Mohammad. Selain itu, tesis Mohd juga merumuskan persoalan cinta kepada Ilahi dalam puisi-puisi Darma Mohammad. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis Mohd menerapkan teori Konseptual Kata Kunci yang digariskan oleh Mohamad Mokhtar Hassan (2005), bagi menganalisis empat kumpulan puisi Darma Mohammad iaitu *Gernyut Nafas* (1989), *Jangjan Iktikaf* (2003), *Nafas Dari Lembah Atar* (2009) dan *Ufuk Fikir* (2012). Dengan menerapkan teori Konseptual Kata Kunci, tesis Mohd ini menemui tiga konsep cinta kepada Ilahi yang meliputi konsep kekasih dan perindu (mahbub-asyik), konsep mendekati Allah melalui jalan-jalan sufi dan kerohanian dan konsep kehambaan (ubudiyyah). Tesis ini turut merumuskan bahawa konsep cinta kepada Ilahi yang digambarkan dalam puisi-puisi Darma Muhammad adalah hasil daripada pengalaman peribadi dan persekitaran yang dilaluinya sendiri. Dengan kata lain, tesis ini cenderung menyimpulkan bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan puisi-puisi Darma Muhammad yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 14.

Seterusnya, pengamatan ini beralih kepada tesis sarjana Mohd Fadzil Bin Baharudin (seterusnya Fadzil) bertajuk “Teori Psikoanalisis-Estetika: Penerapan Terhadap Kumpulan Sajak-sajak J. M. Aziz” (2010). Tesis ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa pengkritik kurang memberi perhatian terhadap karya-karya puisi terutamanya dengan menerapkan pendekatan psikoanalisis. Tesis Fadzil berpendapat bahawa kajian sedia ada kebanyakannya pengkritik terkenal seperti Baharudin Mohamed, Pramoedya Ananta Teor dan Hashim Awang lebih banyak mengalirkan ilmunya kepada bahan karya sastera berbentuk cerita seperti cerpen dan novel sahaja. Tesis Fadzil ini menyasarkan tiga objektif. Pertama, menjelaskan bahawa sajak-sajak J. M. Aziz merupakan keinginan penyair terhadap cinta wanita, kehormatan dan kemasyhuran. Kedua, menjelaskan bahawa unsur-unsur keindahan dalam sajak-sajak J. M. Aziz terhasil dari aspek pengalaman estetika dan sikap estetika yang merupakan cabang ilmu teori Estetika. Dan ketiga, menganalisis jenis mekanisme bela diri dan aspek keindahan yang digunakan oleh J. M. Aziz dalam sajak-sajaknya. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis Fadzil menganalisis sajak-sajak J. M. Aziz yang dikumpulkan dalam kumpulan sajak *Pengantin Laut* (1976), *Kembang Selaut* (1988), *Derita Seorang Seniman* (1993), dan *Penyu Menangis* (1993). Analisis ini memilih 150 buah sajak karya J. M. Aziz yang tersiar atau telah diterbitkan sehingga Oktober 1997 sahaja. Dengan menerapkan teori Psikoanalisis dan Estetika, tesis ini berhasil dalam mengenal pasti cinta wanita, kehormatan dan kemasyhuran yang terserlah secara dominan dalam sajak-sajak J. M. Aziz yang dikaji. Tesis Fadzil turut merumuskan bahawa sajak-sajak yang dihasilkan oleh J. M. Aziz juga mengandungi nilai-nilai estetika yang amat

berkesan untuk dihayati. Tesis ini turut mendapati bahawa sebahagian besar daripada peristiwa yang digambarkan dalam sajak-sajak J. M. Aziz adalah hasil daripada pengalaman peribadi yang dilaluinya sendiri. Dengan kata lain, tesis ini cenderung bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan sajak-sajak J. M. Aziz yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 15.

Seterusnya, pengamatan ini diteruskan terhadap tesis sarjana oleh Nor Azlia Binti Jaaffar (seterusnya Nor Azlia) bertajuk “*Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh* Karya Zaharah Nawawi: Penerapan Teori Feminisme” (2009). Tesis ini bertitik tolak daripada permasalahan tentang kurangnya kajian yang kritis tentang aspek wanita dalam novel Zaharah Nawawi bertajuk *Haruman Kencana* (2004) dan *Hujan Sudah Teduh* (2004). Selain itu, tesis Nor Azlia ini juga mendakwa bahawa isu-isu yang melibatkan dunia wanita dalam karya-karya sastera hanya menjadi perhatian kepada para penulis wanita, berbanding dengan para penulis lelaki. Bertitik tolak daripada permasalahan dan dakwaan ini, tesis Nor Azlia bertujuan menganalisis kedudukan dan martabat wanita dalam novel-novel Zaharah Nawawi berdasarkan teori feminism dalam dua novel Zaharah Nawawi iaitu *Haruman Kencana* (2004) dan *Hujan Sudah Teduh* (2004). Bagi mencapai objektif ini, tesis ini menerapkan teori feminism yang digariskan oleh Cheri Register seorang pemikir feminis. Untuk itu, kajian ini menerapkan lima prinsip yang digariskan oleh Cheri Register. Pertama, teks sastera menjadi forum atau medan bagi membincarakan wanita. Kedua, wanita sebagai contoh atau model dalam teks sastera. Ketiga, teks sastera mewujudkan semangat persaudaraan antara kaum wanita. Keempat, teks sastera berupaya menimbulkan kesedaran ke arah pembangunan kendiri wanita. Dan kelima, teks sastera berupaya mewujudkan kefahaman yang bersesuaian dengan latar budaya masyarakat. Berdasarkan kepada lima prinsip ini, tesis Nor Azlia ini berhasil dalam mengenal pasti beberapa citra wanita yang terserlah secara dominan dalam novel-novel Zaharah Nawawi yang dikaji. Antaranya, citra wanita yang matang, citra wanita yang berfikiran terbuka dan citra wanita yang berani dan bijak. Tesis Nor Azlia ini turut mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pelukis dan seterusnya membentuk persepsi terhadap watak-watak wanita dalam novel-novel Zaharah Nawawi. Antaranya, hubungan dan pengalaman Zaharah Nawawi dengan keluarga, wanita, masyarakat, zaman dan karya-karyanya. Tesis ini turut mendapati bahawa sebahagian besar daripada peristiwa yang digambarkan dalam novel Zaharah Nawawi adalah hasil daripada pengalaman sebenar diri, keluarga dan persekitarannya. Dengan kata lain, tesis ini cenderung bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan novel-novel karya Zaharah Nawawi yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 16.

Seterusnya, pengamatan ini meneliti tesis sarjana oleh Zalilah Binti Zainudin (seterusnya Zalilah) bertajuk “Konseptual Kata Kunci: Aplikasi Terhadap Cerpen-cerpen Karya Keris Mas” (2006). Tesis ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa kurangnya kajian yang kritis tentang penerapan pendekatan atau teori dalam cerpen-cerpen Keris Mas. Tesis Zalilah ini berpendapat bahawa kajian sedia ada kebanyakannya membincangkan mengenai tema, persoalan, struktur, bentuk cerpen, kajian sosial dan protes terhadap masyarakat sahaja. Bertitik tolak daripada itu, tesis ini menggariskan dua objektif. Pertama, mengkaji konsepsi penulis terhadap konsep perjuangan, konsep kemiskinan, dan konsep kepimpinan. Kedua, melihat faktor-faktor seperti perubahan

masa, persekitaran sosial dalam kehidupan, suasana politik dan peningkatan usia yang mempengaruhi konsep Keris Mas terhadap tiga konsep yang telah dinyatakan. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis ini menganalisis 76 buah cerpen yang terkandung dalam *Kumpulan Cerpen 1946-1989 Edisi Khas Sasterawan Negara Keris Mas* (1992). Tesis ini mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci. Tesis ini mendapatkan bahawa beberapa kata kunci digunakan dalam cerpen-cerpen yang dikaji bagi menjelaskan maksud konsep yang dikemukakan. Konsep kemiskinan dikemukakan melalui kata kunci seperti kemelaratan, kesengsaraan, garam, susah, hina, atap bocor, menderita, ikan kering, serba susah, tidak berupaya, miskin, derita, bilik sempit, orang-orang lapar, peminta sedekah dan pengemis. Manakala, konsep kepimpinan pula dikemukakan melalui kata kunci seperti politik, Bahaman, bersemangat, parti, rakyat, perjuangan, sosialis, wakil rakyat, pengaruh, ideologi, kempen, pemimpin, keadilan perjuangan dan negara. Tesis Zalilah ini turut merumuskan bahawa konsep-konsep di atas dikemukakan berdasarkan pengalaman peribadi dan persekitarannya yang dilalui sendiri oleh Keris Mas. Dengan kata lain, tesis ini cenderung bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan cerpen-cerpen Keris Mas yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 17.

Seterusnya ialah tesis sarjana oleh Hajijah Binti Jais (seterusnya Hajijah) yang bertajuk “Novel-novel Anwar Ridhwan: Penerapan Terhadap Teori Teksdealisme” (2004). Tesis ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa kajian tentang sumber kreatif kurang dianalisis secara mendalam terutamanya dalam karya-karya Anwar Ridhwan. Bertitik tolak daripada itu, tesis Hajijah ini bertujuan menganalisis novel-novel Anwar Ridhwan berdasarkan teori Teksdealisme, dan seterusnya menilai kesesuaian teori Teksdealisme sebagai kerangka analisis. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis Hajijah menerapkan teori Teksdealisme yang digariskan oleh Abdul Rahman Napiah (Mana Sikana), bagi menganalisis tiga novel Anwar Ridhwan iaitu *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* (1979), *Arus* (1985) dan *Di Negeri Belalang* (1989). Untuk itu, tesis Hajijah ini menerapkan empat prinsip yang digariskan oleh Mana Sikana. Pertama, prinsip kehadiran yang menekankan kepentingan pengalaman yang dialami oleh penulis. Kedua, prinsip pelanggaran yang memperlihatkan nilai penimbang antara yang diubah dan dikekalkan dalam setiap aspek yang berhubungan dengan dunia pencipta dalam usaha mencapai keunggulan teks. Ketiga, prinsip pengukuhan yang merupakan usaha pematangan, pengejapan dan penyempurnaan dalam berkarya. Dan keempat, prinsip individualisme iaitu penulis harus berusaha untuk menghasilkan atau menciptakan sifat keperibadian. Dengan menerapkan empat prinsip ini, tesis Hajijah ini mendapat Anwar Ridhwan telah mencapai keunggulan dalam penulisan novel yang dikaji. Tesis ini turut merumuskan bahawa peristiwa yang digambarkan dalam novel-novel Anwar Ridhwan adalah hasil daripada pengalaman peribadi dan pembacaan yang dilaluinya sendiri. Dengan kata lain, tesis ini cenderung menyimpulkan bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan novel-novel Anwar Ridhwan yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 18.

Pengamatan seterusnya turut meneliti tesis sarjana Suhairah Binti Ismail (seterusnya Suhairah) bertajuk “Teori Rasa-Fenomenologi: Penerapan Terhadap Novel-novel Terpilih Zaharah Nawawi” (2003). Tesis Suhairah ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa kajian tentang penerapan teori Rasa-Fenomenologi dalam novel-novel Zaharah Nawawi kurang mendapat perhatian. Dalam hal ini, tesis ini berpendapat bahawa

kebanyakan kajian sedia ada pada ketika itu cenderung membicarakan novel-novel Zaharah Nawawi dari sudut feminis sahaja. Bertitik tolak daripada itu, tesis Suhairah menerapkan teori Rasa-Fenomenologi. Dengan fokus ini, tesis Suhairah ini menyasarkan empat objektif. Pertama, mengkaji teori Rasa-Fenomenologi dalam meneliti karya-karya kesusasteraan Melayu khususnya terhadap novel-novel terpilih Zaharah Nawawi. Kedua, mengemukakan beberapa rasa, iaitu rasa kagum, rasa berahi, rasa duka, rasa berang dan rasa benci yang dapat ditemui dalam novel-novel terpilih Zaharah Nawawi. Ketiga, meneliti teknik yang digunakan oleh penulis, iaitu Zaharah Nawawi dalam melahirkan lima rasa dalam novel-novel terpilihnya itu. Dan keempat, mengenal pasti teknik yang digunakan oleh Zaharah Nawawi untuk menimbulkan kesan rasa kepada pembaca. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis Suhairah memilih untuk menganalisis tiga novel Zaharah Nawawi iaitu *Sebelum Berhujungnya Musim Bunga* (1972), *Panglima Salleh Selempang Merah* (1988) dan *Selamat Datang Adzie Farahah* (1988). Analisis mengenal pasti faktor yang mempengaruhi penulis dan seterusnya membentuk persepsi dalam novel-novel Zaharah Nawawi iaitu rasa kagum, rasa berahi, rasa duka dan rasa benci. Tesis Suhairah turut merumuskan bahawa nilai rasa dalam novel-novel Zaharah Nawawi yang dikaji dipengaruhi oleh beberapa faktor penting seperti latar belakang keluarga, wanita, masyarakat, zaman dan karyakaryanya. Lebih penting lagi, tesis Suhairah mendapati bahawa sebahagian besar persepsi dalam novel-novel Zaharah Nawawi yang dikaji tercetus daripada pengalaman peribadi dan persekitaran yang dilalui sendiri oleh penulis. Dengan kata lain, tesis ini cenderung menyimpulkan bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan novel-novel Zaharah Nawawi yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 19.

Seterusnya, pengamatan ini diteruskan terhadap tesis sarjana oleh Saroja Theavy A/P Balakrishnan (seterusnya Saroja) bertajuk “Citra Watak Remaja dalam Novel-novel Othman Puteh” (2001). Tesis Saroja ini bertitik tolak daripada hipotesis bahawa kebanyakan kajian sedia ada pada ketika itu cenderung membicarakan kajian bersifat struktural sahaja. Bertitik tolak daripada itu, tesis Saroja ini hadir dengan memberi interpretasi terhadap citra watak remaja dalam novel-novel Othman Puteh. Tesis ini menerapkan Teori Teksdealisme oleh Mana Sikana (1998) dan Teori Robert Havighurst oleh Robert Havighurst (1972). Bagi merealisasikan usaha ini, tesis Saroja ini menetapkan dua objektif. Pertama, meneliti posisi kepengarangan Othman Puteh dalam mencitrakan watak-watak remaja sesuai dengan psikologi remaja berdasarkan pengalaman, kepakaran dan kajian yang dilakukan secara mendalam. Kedua, menganalisis peranan dan cabaran watak-watak remaja dalam menghadapi tugas-tugas perkembangan mengikut konteks cerita. Bagi mencapai objektif-objektif ini, tesis Seraja ini menganalisis 36 novel Othman Puteh. Analisis Seraja mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pelukisan dan seterusnya membentuk persepsi terhadap watak-watak remaja dalam novel-novel Othman Puteh. Antaranya, hubungan dan pengalaman Othman Puteh dengan keluarga, masyarakat, zaman, persekitaran, budaya dan karyakaryanya. Tesis Saroja turut mendapati bahawa sebahagian besar peristiwa dan watak-watak remaja yang diceritakan di dalam novel-novel Othman Puteh adalah hasil daripada pengalaman peribadi dan persekitaran yang dilaluinya sendiri. Dengan kata lain, tesis ini cenderung merumuskan bahawa pendidikan tidak formal menjadi sumber penting dalam penulisan novel-novel Othman Puteh yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 20.

Selanjutnya, pengamatan ini meneliti projek sarjana oleh Mohd Zariat Bin Abdul Rani (seterusnya Mohd Zariat) bertajuk “Bacaan Hermeneutik Terhadap Karya Perang A. Samad Said” (1999). Kertas projek Mohd Zariat ini antara lain membangkitkan permasalahan tentang kajian-kajian ilmiah sedia ada yang cenderung memperakukan bahawa karya-karya perang A. Samad Said rata-rata tercetus daripada pengalaman peribadinya sendiri. Perakuan ini dianggap tidak diasaskan kepada analisis ilmiah yang sistematis. Justeru, kertas projek ini diusahakan dengan tujuan untuk menganalisis secara ilmiah karya-karya perang A. Samad Said, dan seterusnya mengesahkan tanggapan bahawa karya-karya itu tercetus daripada pengalaman peribadi penulis sendiri. Bagi mencapai objektif tersebut, projek ini menerapkan teori Hermeneutik yang digagaskan oleh Hans-Georg Gadamer dalam bukunya bertajuk *Truth and Method* (1960). Projek ini menganalisis empat buah karya prosa A. Samad Said iaitu novel *Sungai Mengalir Lesu* (1997), novel *Salina* (1989), drama *Lantai T. Pinkie* (1996) dan cerpen *Tasik Syahdu* (1994). Analisis Mohd Zariat mendapat sebahagian besar daripada peristiwa yang diceritakan dalam karya-karya ini adalah hasil daripada pengalaman peribadi yang dilalui sendiri oleh penulis, selain pengamatannya terhadap persekitaran. Secara konklusifnya, sebahagian besar daripada peristiwa yang diceritakan dalam karya-karya prosa A. Samad Said yang bertemakan perang didapati telah diinspirasikan daripada pengalaman peribadi yang dilalui sendiri oleh A. Samad Said. Dengan kata lain, kertas projek ini cenderung menyimpulkan bahawa pendidikan tidak formal atau diungkapkan sebagai pengalaman peribadi menjadi sumber penting dalam penulisan karya-karya prosa A. Samad Said yang dikaji, sebagaimana yang dapat disimpulkan daripada kutipan dalam Lampiran A, No 21.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur di atas dengan jelas mengenal pasti kecenderungan kajian-kajian ilmiah di atas dalam memperakukan pendidikan tidak formal (atau diungkapkan dalam kajian-kajian ilmiah sedia sebagai pengalaman, persekitaran, latar belakang, kerjaya, pembacaan, penyelidikan, hobi dan minat), sebagai sumber penting dalam penulisan karya kreatif. Perakuan ini antaranya jelas dalam tesis yang diusahakan oleh Kasmaizun Enuni (2018) yang mendapat bahawa konsepsi terhadap alam dalam cerpen-cerpen Siti Zainon Ismail dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya latar belakang keluarga, latar belakang pekerjaan, hobi, pengalaman dan pengembalaan yang dilaluinya sendiri (Kasmaizun Enuni, 2018: 176). Begitu juga tesis Rosnani (2017) yang turut mengenal pasti bahawa sebahagian besar fenomena sosial yang dikemukakan dalam novel karya Razali Endun dan Malim Ghazali PK adalah hasil daripada pengalaman dan persekitaran yang dilalui oleh penulisnya sendiri (Rosnani, 2017: 81). Perakuan yang sama turut diberikan dalam tesis Faziela (2016) yang menjelaskan bahawa sebahagian besar unsur emosi dan konflik yang digambarkan dalam novel-novel remaja yang dikaji adalah hasil daripada pengalaman peribadi dan persekitaran yang dilalui sendiri oleh penulis (Faziela, 2016: 77). Begitu juga tesis Mohd Daud (2015) yang menjelaskan bahawa sebahagian besar daripada konsep cinta kepada Ilahi yang digambarkan dalam puisi-puisi Darma Muhammad adalah hasil daripada pengalaman peribadi dan persekitaran yang dilaluinya sendiri (Mohd Daud, 2015: 94). Demikian juga projek sarjana yang diusahakan oleh Mohd Zariat (1999) yang mengenal pasti bahawa sebahagian besar daripada peristiwa perang yang diceritakan dalam karya-karya A. Samad Said adalah hasil daripada pengalaman peribadi yang dilaluinya sendiri (Mohd Zariat, 1999: 198). Penting dijelaskan bahawa nada-nada perakuan yang sama turut terkandung dalam tesis oleh Nik Fazli (2015), Mohd Fadzil (2010), Azhar (2009), Nor Azlia (2009), Azman Awang (2008), Zalilah (2006), Hajijah (2004), Abdul Rahim (2003), Suhairah (2003)

dan Saroja Theavy (2001). Berdasarkan dapatan-dapatan yang diutarakan dalam kajian-kajian ilmiah yang disoroti di atas, adalah jelas bahawa pendidikan tidak formal diperakukan sebagai sumber penting dalam penulisan karya kreatif.

1.3 Permasalahan Kajian

Bertitik tolak daripada hasil sorotan literatur di atas, kajian ini ingin menghujahkan bahawa dapatan-dapatan kajian ilmiah sedia ada yang disoroti di atas rata-rata telah memenggirkan satu sumber yang dapat dikatakan memainkan peranan yang tidak kurang penting. Ini merujuk kepada “pendidikan formal” yang telah diterima oleh para penulis kreatif. Pada tahap ini, penting serta memadai untuk dijelaskan bahawa dalam konteks kajian ini, “pendidikan formal” merujuk kepada pendidikan yang diperolehi melalui proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajaran yang berautoriti, dengan pengiktirafan yang formal (umpamanya dalam bentuk ijazah) terhadap ilmu serta kemahiran yang diperoleh. Takrifan ini diasaskan kepada pemahaman awal bahawa proses pengajaran dan pembelajaran secara formal ini lazimnya dilaksanakan dalam sesebuah institusi yang berautoritatif serta memiliki struktur pelaksanaannya yang tersusun dan sistematik. Institusi-institusi yang terangkum dalam “pendidikan formal” ini pula mewakili tahap-tahap tertentu yang bersifat hierarkikal, dan diikuti pula secara kronologikal. Tahap-tahap tertentu ini dibezakan mengikut pencapaian ilmu serta kemahiran yang diajar serta dipelajari, yang kesemuanya terangkum dalam satu kurikulum yang jelas, berobjektif dan sistematik. Tahap-tahap ini pula saling berkaitan serta kesinambungan khususnya dari segi tahap ilmu serta kemahiran yang diajar serta dipelajari. Umpamanya, “pendidikan formal” lazimnya bermula daripada peringkat pendidikan pra-sekolah, diikuti dengan peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, pra-universiti dan seterusnya peringkat universiti. Peringkat yang terakhir itu pula mengandungi beberapa tahap seperti ijazah sarjana muda, seterusnya ijazah sarjana dan selanjutnya ijazah kedoktoran. Selain itu, “pendidikan formal” turut meliputi kursus atau latihan profesional dan teknikal dalam bidang-bidang tertentu seperti perguruan, perundangan, kejururawatan, juruteknik pertanian dan perkhidmatan tadbir dan diplomatik. Lazimnya, “pendidikan formal” turut meliputi aspek pengujian atau pentaksiran bagi tujuan menentukan tahap pencapaian atau gred, serta diikuti dengan pengiktirafan sama ada dalam bentuk sijil, diploma, ijazah dan sebagainya, mengikut tahap ilmu serta kemahiran yang diiktiraf. Seiring dengan pemahaman di atas, Sufean Hussin (2008) yang merupakan seorang sarjana yang terkenal dalam bidang pendidikan antaranya merumuskan “pendidikan formal” seperti dalam petikan yang dikutip dalam Lampiran A, No 22.

Perbincangan lanjut tentang “pendidikan formal” termasuk takrifan operasional yang akan diguna pakai dalam kajian ini akan dilakukan pada bahagian Definisi Operasional nanti. Pada tahap Permasalahan Kajian ini, memadai difahami bahawa “pendidikan formal” yang dimaksudkan dalam kajian ini rata-rata merujuk kepada pendidikan yang diperolehi melalui proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajaran yang berautoriti, dengan pengiktirafan yang formal (umpamanya dalam bentuk ijazah) terhadap ilmu serta kemahiran yang diperoleh.

Dalam konteks pengertian di atas, kajian ini ingin membangkitkan permasalahan bahawa kajian-kajian ilmiah yang disoroti di atas, telah meminggirkan “pendidikan formal” sebagai satu sumber penulisan kreatif yang (pada tahap ini dapat dikatakan) memainkan peranan yang tidak kurang penting. Hal ini umpamanya jelas apabila kajian-kajian ilmiah di atas rata-rata lebih memperakukan apa yang diungkapkan sebagai “pengalaman peribadi”, “pengalaman, persekitaran, latar belakang, kerjaya, pembacaan, penyelidikan, hobi dan minat”, sebagai sumber penting bagi seseorang penulis menulis karya kreatif. Adalah jelas bahawa sumber-sumber yang diperakukan di atas diperoleh bukan melalui “pendidikan formal”, seperti yang difahami serta ditakrifkan di atas. Ini bererti, soal “pendidikan formal” sebagai sumber penulisan kreatif tidak dikenal pasti dalam dapatan-dapatan kajian ilmiah yang disoroti di atas. Justeru, dalam konteks permasalahan kajian, pemungkiran ini dengan sendirinya membuka “ruang” (*gaps*) untuk kajian ini meneliti secara khusus dan sistematik tentang peranan “pendidikan formal” sebagai sumber penulisan kreatif.

Sehubungan itu, kajian ini ingin menarik perhatian terhadap penglibatan para penulis kreatif yang memiliki kelulusan formal dalam bidang undang-undang. Antara yang paling prolifik dan menonjol ialah Nisah Haron (seterusnya Nisah), seorang penulis kreatif yang berkelulusan undang-undang pada tahun 1997 (Nisah Haron, Lampiran E: hlm. 1). Nisah pernah berkhidmat sebagai peguam sebaik sahaja menyelesaikan pengajian di peringkat Sarjana Muda pada tahun 1997. Beliau juga telah diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia atau lebih dikenali sebagai “The Malaysian Bar” mulai 23 Ogos 1998 (Nisah Haron, Lampiran E: hlm. 3). Pada tahun 1997 hingga tahun 2001, Nisah pernah bertugas di firma guaman Nor Affiza & Co., Seremban, dan kemudiannya menubuhkan firma guamannya sendiri iaitu Nisah Haron & Co. yang beroperasi pada Mac 2001 hingga 2006 (Nisah Haron, Lampiran E: hlm. 3). Nisah juga menerima pentaulianan sebagai peguam syarie di Negeri Sembilan bermula pada tahun 1997 sehingga 2006 (Nisah Haron, Lampiran E: hlm. 3). Nisah pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Kehormat Jawatankuasa Peguam Negeri Sembilan selama dua penggal iaitu pada tahun 2001 hingga 2003, selain menjadi penasihat undang-undang Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA) pada September 2008 hingga April 2009 (Nisah Haron, Lampiran E: hlm. 3).

Dalam bidang penulisan kreatif pula, Nisah sehingga kini telah menghasilkan dua puluh satu puisi, enam kumpulan cerpen persendirian dan lima novel (Nisah Haron, Lampiran G: hlm. 3). Kekuatan Nisah dikatakan banyak terletak pada genre cerpen yang pertama kali dan sehingga kini giat masih dihasilkan. Perbincangan lanjut tentang pencapaian Nisah dalam bidang penulisan termasuk latar belakang pendidikan formal yang diterimanya, diteruskan dalam Bab 3 nanti. Pada tahap ini, apa yang lebih relevan untuk dibangkitkan ialah pengakuan Nisah sendiri bahawa ilmu yang diperoleh sepanjang mengikuti pendidikan secara formal dalam bidang undang-undang, banyak dimanfaatkannya dalam penulisan karya-karya kreatif, sebagaimana yang diakuinya sendiri dalam Lampiran A, No 23.

Perakuan Nisah ini dilihat turut seiring dengan komen-komen pembaca beliau, termasuk dalam kalangan para penulis kreatif sendiri, antaranya ialah Mawar Shafei (seterusnya Mawar) yang giat menghasilkan karya-karya kreatif terutamanya genre novel. Mawar antaranya menulis seperti merujuk kepada Lampiran A, No 24.

Selain itu ialah Nazmi Yaakub, seorang penulis dan wartawan yang giat mengelolakan ruangan sastera dalam akhbar *Berita Harian* turut menulis komen dalam laman sesawang *Goodreads* iaitu sebuah laman sesawang yang mengumpulkan ulasan pembaca terhadap buku, antaranya menulis komen seperti dalam Lampiran A, No 25. Begitu juga pembaca yang menamakan dirinya sebagai Nor Azzah, seorang pengurus pustakawan yang turut memberi komen terhadap karya Nisah Haron dalam laman sesawang *Goodreads*. Nor Azzah menulis komennya seperti merujuk kepada Lampiran A, No 26.

Selain Nisah, terdapat seorang lagi penulis kreatif yang prolifik dan berkelulusan dalam bidang undang-undang iaitu Aidil Khalid (seterusnya Aidil). Aidil memiliki kelulusan undang-undang pada tahun 2006 (Aidil Khalid, Lampiran F: hlm. 2). Pada awalnya, Aidil bertugas membaca di kamar Dato `Sukhdev Singh Randhawa, iaitu dari firma Messers Azlan Shah Sukhdev & co, sebelum diterima masuk ke “The Malaysian Bar” mulai September 2011 (Aidil Khalid, Lampiran F: hlm. 4). Selepas itu, Aidil bekerja di firma Messrs Satish Alli & Associates, dan kemudiannya menubuhkan Messrs Rahim, Aidil & Partners pada tahun 2012, yang selepas itu digabungkan dengan Messrs Fuad Hasim & co dan kini dikenali sebagai Messrs Amelda Fuad Abi & Aidil. Dalam firma ini, Aidil bertugas sebagai peguam bela dan peguam cara sepenuhnya (Aidil Khalid, Lampiran F: hlm. 4). Selain itu, beliau aktif dalam kegiatan aktivisme sivil serta menjadi ahli kanan di Pusat Penyelidikan dan Advokasi Pusat Hak Asasi Manusia (CENTHRA), dan ahli aktivis Peguam Kehakiman yang Berhormat (CLJ) (Aidil Khalid, Lampiran F: hlm. 4). Aidil turut bergiat aktif sebagai aktivis undang-undang antara yang terkini ialah isu Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum atau juga dikenali sebagai ICERD (*Utusan Online*, 2 Disember 2018).

Selain berkhidmat sebagai seorang peguam, Aidil juga mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penulisan kreatif. Menurut Aidil, penulisan memberikannya ruang untuk melakukan renungan mendalam terhadap isu-isu penting dalam kehidupan masyarakat (Aidil Khalid, Lampiran F: hlm. 4). Dalam bidang penulisan kreatif, kekuatan Aidil dilihat lebih aktif dalam menghasilkan cerpen. Sehingga kini, Aidil telah menghasilkan dua novel dan dua puluh cerpen (Aidil Khalid, Lampiran I: hlm. 2-3). Bab 3 akan membincangkan secara lanjut tentang pencapaian Aidil dalam bidang penulisan termasuk latar belakang pendidikan formal yang diterimanya. Pada tahap ini, apa yang ingin diperlihatkan ialah kecenderungan Aidil dalam memanfaatkan bidang undang-undang dalam penulisan karya kreatif, sebagaimana yang turut diamati oleh para pembacanya. “Azriq” dalam blognya berjudul “Memperkenalkan Aidil Khalid” antaranya menulis seperti merujuk kepada Lampiran A, No 27.

Selain itu ialah komen pembaca yang menamakan dirinya sebagai “Luc Abdullah” yang menulis dalam laman sesawang *Goodreads*, seperti merujuk kepada Lampiran A, No 28. Begitu juga pembaca yang menamakan dirinya sebagai “Hannanur” yang menulis komen juga dalam *Goodread*, seperti merujuk kepada Lampiran A, No 29.

Sesungguhnya, pengakuan serta komen-komen pembaca di atas dengan jelas membangkitkan tentang “pendidikan formal” Nisah dan Aidil dalam bidang undang-undang yang rata-rata dianggap sebagai sumber penting dalam kegiatan penulisan kedua-dua penulis kreatif itu. Akan tetapi, penting untuk ditekankan bahawa pengakuan serta komen-komen pembaca di atas lebih merupakan kenyataan umum, bersifat peribadi serta belum dianalisis secara sistematik. Hal ini dengan sendirinya mengundang sebuah kajian ilmiah yang menganalisis secara sistematik soal pendidikan formal dalam bidang undang-undang yang diperoleh oleh Nisah dan Aidil dan pemanfaatannya dalam penulisan kreatif kedua-dua penulis ini.

1.4 Objektif Kajian

Dengan mengambil kira Permasalahan Kajian yang diajukan di atas, kajian ini menggariskan dua objektif kajian, iaitu:

- 1) Menganalisis pengaruh pendidikan formal dalam cerpen-cerpen Nisah Haron dan Aidil Khalid.
- 2) Merumuskan soal pengaruh pendidikan formal sebagai sumber penulisan kreatif dalam cerpen-cerpen Nisah Haron dan Aidil Khalid yang dikaji berdasarkan kerangka Konseptual Kata Kunci.

1.5 Kaedah Kajian dan Kerangka Analisis

Bagi mencapai kedua-dua objektif di atas, kajian ini mengguna pakai kaedah Analisis Teks (*Textual Analysis*) iaitu satu kaedah analisis yang menjadikan teks sebagai bahan kajian. Dalam konteks kajian ini, teks kajian merupakan karya kreatif iaitu cerpen yang dihasilkan oleh Nisah dan Aidil. Penggunaan kaedah Analisis Teks menuntut kepada penerapan satu kerangka tertentu yang dapat dijadikan sebagai ukuran dalam bacaan, analisis serta penilaian teks yang dikaji. Untuk itu, kajian ini memilih untuk menerapkan Konseptual Kata Kunci (seterusnya KKK) sebagai satu kerangka analisis. KKK diajukan oleh Mohamad Mokhtar Hassan (seterusnya Mohamad Mokhtar) iaitu seorang sarjana sastera Melayu masa kini, sebagai satu kerangka yang tersedia untuk diguna pakai bagi menganalisis teks-teks sastera, termasuk genre cerpen.

Pemilihan KKK sebagai kerangka analisis bagi kajian ini diasaskan kepada pertimbangan yang relevan dengan permasalahan yang diajukan pada awal kajian ini. Ini merujuk kepada tiga prinsip yang ditawarkan oleh KKK yang didapati sesuai dengan objektif-objektif kajian. Penting untuk dijelaskan bahawa KKK pada dasarnya menggariskan tiga prinsip. Pertama ialah prinsip “Kepengaruhan” yang tertegak di atas pendirian bahawa “konsepsi” (*conception*) para penulis kreatif terhadap sesuatu perkara itu dipengaruhi oleh latar belakang mereka termasuk keluarga, pekerjaan, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi termasuk politik, dan tidak ketinggalan pendidikan formal. Kesemua faktor ini dianggap memainkan peranan yang tersendiri dalam mempengaruhi “konsepsi” seseorang penulis kreatif. “Konsepsi” ini dianggap tercermin dalam karya-karya kreatif yang dihasilkan. Merujuk kepada fokus kajian ini, prinsip “Kepengaruhan” dalam KKK dijangka dapat membantu kajian ini untuk

mengenal pasti serta menilai pengaruh “pendidikan formal” dalam penulisan kreatif oleh para penulis berkelulusan undang-undang.

Kedua ialah prinsip “Pemilihan Kata” yang tertegak di atas pendirian bahawa pemilihan kata dalam sesebuah karya kreatif adalah berkait rapat dengan “konsepsi” si penulis. Prinsip ini berpendirian bahawa dalam kegiatan penulisan kreatif, para penulis menggunakan perkataan-perkataan yang berlebar serta terangkum dalam lingkungan “konsepsi” mereka. Dengan kata lain, “konsepsi” penulis dianggap mempengaruhi pemilihan perkataan dalam penulisan karya kreatif. Dan sebagaimana yang telah dijelaskan di atas, “konsepsi” penulis itu pula dianggap dipengaruhi (prinsip “Kepengaruan”) oleh latar belakang mereka termasuk keluarga, pekerjaan, masyarakat, budaya, kepercayaan, ideologi termasuk politik, dan lebih penting (dalam konteks kajian ini) ialah pendidikan formal. Dengan demikian, prinsip “Pemilihan Kata” memperakarkan bahawa karya kreatif sebagai manifestasi terhadap “konsepsi” penulis yang dipengaruhi oleh latar belakang termasuk “pendidikan formal”. Merujuk kepada fokus kajian ini, prinsip “Pemilihan Kata” dalam KKK dijangka dapat membolehkan kajian ini untuk mengenal pasti serta menilai pengaruh “pendidikan formal” dalam penulisan kreatif oleh para penulis berkelulusan undang-undang.

Ketiga ialah prinsip “Kesan” yang tertegak di atas pendirian bahawa sesebuah karya yang telah dibaca akan memberikan kesan tertentu sama ada kepada khalayak pembaca mahupun penulis itu sendiri. Prinsip ini berpendirian bahawa pembaca akan menerima kesan-kesan tertentu daripada karya-karya yang dibaca melalui pemilihan diksi oleh penulis sama ada sedar atau tidak sedar. Merujuk kepada fokus kajian ini, prinsip “Kesan” dalam KKK membolehkan kajian ini mengamati komen-komen pembaca yang menurut KKK mendapat kesan tertentu daripada perkataan-perkataan yang terkandung dalam teks-teks yang dikaji, selain meneliti aspek-aspek yang terangkum dalam “Ekstrinsik” dan “Intrinsik” yang berkaitan dengan penulis yang dikaji.

Penjelasan tentang KKK akan dibincangkan secara lebih lanjut dan terperinci dalam Bab 2. Pada tahap ini, memadai dijelaskan bahawa pemilihan KKK sebagai kerangka analisis dalam kajian ini dianggap dapat dimanfaatkan bagi membantu untuk mencapai objektif, dan sekali gus merungkaikan permasalahan yang dibangkitkan pada awal perbincangan ini.

1.6 Justifikasi Pemilihan Bahan dan Batasan Kajian

Seperti yang dinyatakan lebih awal, kajian ini memilih genre cerpen sebagai bahan kajian. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini berhasrat untuk meneliti cerpen-cerpen Nisah dan Aidil. Pemilihan genre cerpen ini diasaskan pada kekuatan kedua-dua penulis yang dikaji yang lebih terserlah dalam penghasilan genre cerpen berbanding genre-genre yang lain, sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

Selain itu, bacaan awal mendapati bahawa cerpen-cerpen Nisah dan Aidil lebih menyerlahkan pengaruh pendidikan formal mereka dalam bidang undang-undang berbanding genre-genre sastera yang lain, sebagaimana yang dapat diamati pada komen-komen pembaca yang disoroti di atas.

Berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan di atas, kajian ini meneliti empat cerpen iaitu dua cerpen karya Nisah, dan dua cerpen karya Aidil sebagai bahan kajian. Dua cerpen Nisah yang akan dikaji ialah:

- 1) “Impian Tsu-Ryi” yang diterbitkan oleh Penerbitan Pustaka Nusa Sdn. Bhd. dalam buku *Impian Tsu-Ryi Kumpulan Cerpen Remaja* pada tahun 2002.
- 2) “Afidavit Emosi” yang diterbitkan oleh Penerbitan Pustaka Nusa Sdn. Bhd. dalam buku *Impian Tsu-Ryi Kumpulan Cerpen Remaja* pada tahun 2002.

Manakala, dua cerpen Aidil yang akan dikaji ialah:

- 1) “Bila Adik Dinie Melatah” yang diterbitkan dalam majalah *Al Islam* pada tahun 2008.
- 2) “Res Judicata” yang diterbitkan oleh Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. dalam buku *Res Judicata* pada tahun 2011.

1.7 Definisi Operasional

Perbincangan dalam bahagian ini membincangkan secara ringkas beberapa istilah dan akhir sekali mentakrifkan istilah-istilah kunci yang akan diguna pakai sepanjang kajian ini. Terdapat tiga istilah penting yang akan mewarnai perbincangan serta mencorakkan analisis dan dapatan kajian ini, iaitu “pendidikan formal”, “pendidikan tidak formal” dan “cerpen”. Ketiga-tiga frasa ini penting untuk ditakrifkan bagi menggariskan sempadan yang jelas antara ketiganya, dan sekali gus membolehkan kajian ini untuk menentukan pembatasan kajianya.

1.7.1 “Pendidikan Formal”

Menurut Sufean Hussin (seterusnya Sufean) dalam bukunya yang bertajuk *Pendidikan di Malaysia* (2008: 323), “pendidikan formal” didefinisikan sebagai pendidikan yang dilaksanakan secara rasmi mengikut sistem yang ditetapkan oleh kerajaan. Tulisan Sufean ini cenderung menganggap bahawa proses ini berlaku di dalam satu institusi yang mempunyai struktur dari segi kronologi dan hierarki, yang bermula dari peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, pra-universiti dan universiti. Selain itu,

pendidikan atau pun penerokaan ilmu secara formal juga adalah berstruktur, bertunjangkan tempoh masa, penilaian secara pemberian gred dan dikawal secara pusat dari aspek kandungan kurikulumnya. Secara tidak langsung, keilmuan yang disampaikan adalah terhad dan berteraskan pencapaian dalam peperiksaan, sebagaimana yang dijelaskan oleh Sufean dalam Lampiran A, No 30.

Seterusnya, takrifan “pendidikan formal” turut diberikan oleh Hussin Bin Sarju (seterusnya Hussin), Rohana Binti Hamzah (seterusnya Rohana) dan Amirmudin Bin Udin (seterusnya Amir) dalam artikelnya yang bertajuk “Pendidikan: Matlamat dan Fungsinya” (2010). Dalam tulisan ini, Hussin, Rohana dan Amir menjelaskan bahawa “pendidikan formal” di Malaysia mempunyai lima peringkat iaitu Pendidikan Pra-Sekolah, Pendidikan Sekolah Rendah, Pendidikan Menengah Rendah, Pendidikan Menengah Atas, dan Pendidikan Lanjutan (2010: 4). Peringkat pertama iaitu Pendidikan Pra-Sekolah bermula seawal umur kanak-kanak 4, 5 dan 6 tahun. Pendidikan ini untuk menyediakan pengalaman pembelajaran kepada murid bagi menyuburkan potensi mereka terutamanya dari aspek penguasaan kemahiran asas, selain memupuk sikap positif sebagai persediaan ke sekolah rendah. Pendidikan Pra-Sekolah menekankan pendidikan secara mudah, yang bermula dengan kemahiran mengenal huruf, bersosial dan berinteraksi sesama mereka (2010: 4). Peringkat kedua ialah Pendidikan Sekolah Rendah yang melibatkan kanak-kanak yang berumur antara 7 hingga 12 tahun. Pada peringkat ini, kanak-kanak menerima pendidikan yang berteraskan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR). Prinsip utama KBSR ialah menekankan kemahiran asas seperti menulis, membaca, mengira, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, penerapan nilai-nilai murni, patriotisme pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid (2010: 5). Peringkat ketiga ialah Pendidikan Sekolah Menengah Rendah yang mengambil masa selama tiga tahun. Pada peringkat ini, pelajar menerima pendidikan yang berteraskan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Fokus pada peringkat menengah rendah adalah untuk mencapai pendidikan umum dan perkembangan sifat-sifat kewarganegaraan (2010: 5). Peringkat keempat ialah Pendidikan Sekolah Menengah Atas yang mengambil masa antara dua hingga empat tahun. Pada peringkat ini, pelajar diberi fokus kepada penguasaan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang lebih luas dan mendalam. Pendidikan menengah atas juga menitikberatkan aktiviti kokurikulum kepada pelajar. Pada tahap ini juga, membolehkan pelajar-pelajar menguasai kemahiran-kemahiran berinteraksi dalam semua situasi hidup serta memperkembangkan pemikiran dan penaakulan (2010: 5). Dan, yang terakhir ialah peringkat kelima iaitu Pendidikan Lanjutan. Pendidikan lanjutan ialah pelajar yang telah tamat pendidikan sekolah menengah berpeluang menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada di Pusat Latihan Industri, Matrikulasi, Tingkatan Enam, Prauniversiti, Universiti Awam atau di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) (2010: 5). Tujuan pendidikan lanjutan ini adalah untuk memperkuuh lagi pengetahuan dan kemahiran. Sehubungan itu, Hussin, Rohana dan Amir (2010: 5) turut menjelaskan bahawa pada akhir setiap peringkat pendidikan, pelajar akan menduduki peperiksaan awam. Keupayaan pelajar melengkapkan pendidikan wajib akan memberi peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi seperti universiti atau pusat latihan, sebagaimana yang dijelaskan dalam Lampiran A, No 31.

Selanjutnya, takrifan “pendidikan formal” turut diberikan oleh Aini Abdullah (seterusnya Aini) dalam kajian ilmiah yang bertajuk “Laporan Penyelidikan Jenis dan Fungsi Pendidikan Formal dan Tidak Formal di dalam Keputusan untuk Menjalankan Perniagaan di Kalangan Peniaga Bumiputra di Bandar Kuantan Pahang Darul Makmur” (1992). Dalam kajian ini, Aini menjelaskan bahawa “pendidikan formal” antaranya merangkumi dua aspek pihak, iaitu pengajar dan murid (1992: 10). Dengan itu, “pendidikan formal” menurut Aini (1992: 10) merujuk kepada aktiviti praktikal yang bertujuan khusus untuk menyampaikan bahan dan idea, yang dijalankan di sekolah atau institusi. Menurut Aini lagi, “pendidikan formal” meliputi semua jenis pendidikan yang diterima di sekolah, termasuk pendidikan lanjutan yang diikuti samada dalam bentuk kursus jangka pendek, jangka panjang dan lain-lain, sebagaimana yang dijelaskan oleh Aini dalam Lampiran A, No 32.

Secara konklusifnya, istilah “pendidikan formal” yang digunakan dalam kajian ini rata-rata merujuk kepada pendidikan yang diperolehi melalui proses pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian yang berautoriti, dengan pengiktirafan yang formal (umpamanya dalam bentuk ijazah) terhadap ilmu serta kemahiran yang diperoleh.

1.7.2 “Pendidikan Tidak Formal”

Seterusnya, perbincangan ini diteruskan dengan meneliti takrifan “pendidikan tidak formal”. Sufean Hussin (seterusnya Sufean) dalam bukunya yang bertajuk *Pendidikan di Malaysia* (2008: 322) menjelaskan bahawa “pendidikan tidak formal” merupakan pendidikan yang disusun dan dilaksanakan di luar daripada pendidikan di sekolah atau pendidikan formal. Tulisan Sufean ini juga cenderung menganggap bahawa proses “pendidikan tidak formal” ini dianggap sebagai pendidikan yang tidak dapat memberikan sumbangan dan pulangan yang berkesan pada diri individu atau masyarakatnya. Menurut Sufean lagi, “pendidikan tidak formal” juga tidak memberikan sebarang sumbangan yang bermakna dari segi mobiliti sosial dan ekonomi, sebagaimana yang dijelaskan oleh beliau dalam Lampiran A, No 33.

Selanjutnya, takrifan “pendidikan tidak formal” turut diberikan oleh Hussin Bin Sarju (seterusnya Hussin), Rohana Binti Hamzah (seterusnya Rohana) dan Amirmudin Bin Udin (seterusnya Amir) dalam artikelnya yang bertajuk “Pendidikan: Matlamat dan Fungsinya” (2010). Dalam tulisan ini, Hussin, Rohana dan Amir menjelaskan bahawa “pendidikan tidak formal” merupakan pendidikan awal yang diterima oleh kanak-kanak melalui institusi kekeluargaan (2010: 5). Peranannya institusi kekeluargaan yang dimaksudkan adalah terhadap pengajaran nilai-nilai moral dan mengurus kehidupan harianya melalui penglihatan, pendengaran dan pengamatan. Selain itu, Hussin, Rohana dan Amir juga cenderung menganggap “pendidikan tidak formal” merupakan hasil daripada interaksi manusia dengan persekitarannya (2010: 5). Ini bergantung kepada tahap kematangan seseorang individu mentafsirkan dengan persekitaran. Oleh itu, Hussin, Rohana dan Amir merumuskan bahawa “pendidikan tidak formal” adalah satu sistem pendidikan yang diperoleh melalui faktor persekitaran dan faktor pengalaman yang dilalui dalam kehidupan seseorang, sebagaimana yang dijelaskan dalam Lampiran A, No 34.

Seterusnya, takrifan “pendidikan tidak formal” turut diberikan oleh Aini Abdullah (seterusnya Aini) dalam kajian ilmiah yang bertajuk “Laporan Penyelidikan Jenis dan Fungsi Pendidikan Formal dan Tidak Formal di dalam Keputusan untuk Menjalankan Perniagaan di Kalangan Peniaga Bumiputra di Bandar Kuantan Pahang Darul Makmur” (1992). Dalam kajian ini, Aini menjelaskan bahawa “pendidikan tidak formal” seringkali digunakan untuk merujuk kepada pencapaian pelajaran luar daripada sistem pendidikan formal (1992: 10). Dengan itu, “pendidikan tidak formal” menurut Aini (2005: 10), didapati bahawa institusi keluarga merupakan institusi terpenting penyampaian pendidikan tidak formal. Oleh itu, Aini merumuskan bahawa “pendidikan tidak formal” adalah hasil daripada pengaruh keluarga yang sangat kuat dalam perkembangan intelektual dan sosial, sebagaimana yang dijelaskan oleh Aini dalam Lampiran A, No 35.

Secara konklusifnya, istilah “pendidikan tidak formal” dalam kajian ini merujuk kepada pengalaman, latar belakang, kerjaya, pembacaan, penyelidikan, hobi dan minat seseorang penulis. “Pendidikan tidak formal” merupakan pendidikan yang disusun dan dilaksanakan di luar daripada sistem pendidikan formal. Oleh itu, “pendidikan tidak formal” ini merupakan hasil daripada nilai-nilai moral dan mengurus kehidupan harianya melalui penglihatan, pendengaran dan pengamatan. Justeru, “pendidikan tidak formal” juga dianggap sebagai pendidikan awal yang diterima oleh penulis melalui interaksi yang aktif terhadap persekitaran.

1.7.3 Genre “Cerpen”

Menurut Lin Swee Tin dalam bukunya yang bertajuk *Dinamika Kreatif Penulisan Cerpen* (2001: 3), cerpen dan cereka adalah akronim. Tulisan Lim Swee Tin ini juga cenderung menganggap bahawa “cerpen” tercipta daripada singkatan dua patah perkataan, iaitu “cerita” dan “pendek”, manakala “cereka” tercipta daripada singkatan dua patah perkataan, iaitu “cerita” dan “rekaan”, sebagaimana yang dijelaskan dalam Lampiran A, No 36.

Selain itu, takrifan “cerpen” turut diberikan oleh Othman Puteh (seterusnya Othman) dan Ramli Isin (seterusnya Ramli) dalam bukunya *Sejarah Kesusastraan Melayu Modern Cerpen* (2003). Dalam tulisan ini, Othman dan Ramli menjelaskan bahawa “cerpen” merupakan karya yang berbentuk prosa yang menampilkan pergolakan dan realiti masyarakat persekitarannya, sebagaimana yang dijelaskan dalam Lampiran A, No 37.

Selain itu, Othman Puteh (seterusnya Othman) sendiri pada kesempatan yang lain iaitu dalam bukunya bertajuk *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Pemikiran dan Struktur* (2010), menjelaskan bahawa “cerpen” merupakan sejenis genre sastera yang dapat menampung pemikiran penulisnya, sebagaimana yang dijelaskan oleh Othman dalam Lampiran A, No 38.

Secara konklusifnya, istilah “cerpen” yang digunakan dalam kajian ini rata-rata merujuk kepada cerita pendek yang dihasilkan oleh penulis. Lebih penting dalam konteks kajian ini ialah kedudukan genre “cerpen” yang diperakukan sebagai wadah yang membolehkan para penulis untuk mencurahkan pemikirannya yang antara kemungkinannya dibentuk melalui pendidikan formal yang diperoleh mereka.

1.8 Organisasi dan Pembahagian Bab

Dalam usaha untuk memudahkan perbincangan ini diikuti, kajian ini akan dibahagikan kepada lima bab yang saling melengkapi dan disusun mengikut kerelevanannya dalam membangunkan hujah secara keseluruhan. Pembahagian bab ini juga mengambil kira tuntutan-tuntutan penting kajian ini, seperti yang akan dijelaskan nanti.

Seperti yang telah diikuti, Bab 1 diperuntukkan untuk membincangkan tentang latar belakang kajian yang meliputi pengenalan, sorotan terhadap kajian-kajian terdahulu, membangkitkan permasalahan kajian, menggariskan objektif-objektif kajian, menjelaskan kewajaran dalam pemilihan kerangka analisis dan pemilihan bahan-bahan kajian, selain menjelaskan definisi bagi istilah-istilah penting yang akan beroperasi sepanjang kajian. Bab 1 kajian ini diharap dapat menjelaskan hala tuju kajian ini secara keseluruhan.

Seterusnya, Bab 2 kajian ini akan membincangkan secara terperinci tentang Konseptual Kata Kunci (KKK) yang dipilih sebagai pendekatan kajian, khususnya genre cerpen yang menjadi bahan kajian ini. Untuk itu, perbincangan dalam bab ini meneliti tulisan-tulisan Mohamad Mokhtar Hassan tentang KKK. Dengan maklumat ini, perbincangan dalam bab ini penting bagi melakarkan prinsip-prinsip yang akan diguna pakai dalam analisis teks-teks kajian nanti. Bagi memperincikan pendekatan yang dipilih itu, kajian ini akan memanfaatkan prinsip-prinsip KKK, iaitu prinsip “Kepengaruan”, prinsip “Pemilihan Kata” dan prinsip “Kesan”. Ketiga-tiga prinsip ini menawarkan pendekatan yang lebih khusus merujuk kepada penulis, dan dapat dimanfaatkan secara langsung untuk tujuan analisis karya, seperti yang akan dibincangkan lebih lanjut nanti. Perbincangan dalam Bab 2 ini diharap dapat memberikan pemahaman yang jelas tentang KKK yang dipilih sebagai kerangka analisis, khususnya prinsip-prinsip yang akan diguna pakai untuk menganalisis teks-teks kajian.

Seterusnya, Bab 3 akan membincangkan tentang latar belakang yang relevan tentang para penulis yang berpendidikan formal dalam bidang undang-undang, iaitu Nisah Haron dan Aidil Khalid dengan menelusuri latar belakang peribadi dan kehidupannya. Penerapan kerangka KKK antaranya menuntut kajian ini untuk membicarakan tentang “Ekstrinsik” dan “Intrinsik” yang melingkungi kehidupan kedua-dua penulis yang dikaji. Terangkum dalam “Ekstrinsik” ialah soal latar belakang keluarga, pendidikan, pengalaman kerja dan kerjaya, pembacaan dan kegiatan penulisan termasuk anugerah yang pernah dimenangi oleh kedua-dua penulis. Manakala “Intrinsik” pula merangkumi falsafah hidup dan idealisme, impian dan cita-cita, serta personaliti dan pembawaan diri penulis. Maklumat-maklumat dalam perbincangan ini penting untuk digunakan dalam analisis teks-teks yang dikaji dalam bab seterusnya.

Selanjutnya, Bab 4 kajian ini diperuntukkan bagi menganalisis teks-teks kajian, iaitu cerpen-cerpen karya Nisah Haron dan Aidil Khalid. Analisis dalam bab ini akan menerapkan prinsip “Kepengaruan”, prinsip “Pemilihan Kata” dan prinsip “Kesan” yang digariskan dalam KKK. Perbincangan dalam Bab 4 berhasrat untuk menyediakan pemahaman yang lebih jelas tentang ilmu undang-undang dan hubungannya dengan penulis, sebagaimana yang terdapat dalam cerpen-cerpen yang dikaji. Dalam menerapkan tiga prinsip KKK di atas, analisis akan memanfaatkan maklumat-maklumat yang diperolehi daripada perbincangan tentang latar belakang keluarga, pendidikan, pengalaman kerja dan kerjaya, pembacaan dan penulisan, dan anugerah yang pernah dimenangi oleh kedua-dua penulis, yang kesemuanya terangkum dalam apa yang diungkapkan dalam KKK sebagai “Ekstrinsik”. Selain itu ialah falsafah hidup dan idealisme, impian dan cita-cita, serta personaliti dan pembawaan diri penulis, yang kesemuanya terangkum dalam apa yang diungkapkan dalam KKK sebagai “Intrinsik”. Kesemua maklumat berkaitan “Ekstrinsik” dan “Intrinsik” ini penting untuk digunakan dalam analisis teks-teks yang dikaji dalam bab seterusnya. Perbincangan dalam Bab 4 ini diharap dapat merealisasikan kedua-dua objektif kajian, iaitu menganalisis pengaruh pendidikan formal dalam cerpen-cerpen Nisah Haron dan Aidil Khalid, dan merumuskan soal pengaruh pendidikan formal sebagai sumber penulisan kreatif dalam cerpen-cerpen Nisah Haron dan Aidil Khalid yang dikaji berdasarkan kerangka Konseptual Kata Kunci.

Akhir sekali, Bab 5 kajian ini akan merumuskan dapatan-dapatan yang diperoleh, merealisasikan objektif-objektif kajian, dan sekali gus dapat merungkaikan permasalahan kajian yang dibangkitkan pada awal kajian ini.

BIBLIOGRAFI

- A. Samad Said. (1979). *Dari Salina Ke Langit Petang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. (1992). *Antara Bulan dan Wira*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahim Bin Marasidi. (2003). Isu-isu Semasa dalam Karya Naratif A. Samad Ismail. Tesis Kedoktoran. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Aidil Khalid. (September 2008). “Bila Adik Dinie Melatah”. *Al Islam*. 78-81.
- Aini Abdullah. (1992). Laporan Penyelidikan Jenis dan Fungsi Pendidikan Formal dan Tidak Formal di Dalam Keputusan Untuk Menjalankan Perniagaan di Kalangan Peniaga Bumiputra di Bandar Kuantan Pahang Darul Makmur. Ijazah Sarjana Perniagaan. Shah Alam, Universiti Teknologi Mara.
- Arena Wati. (1995). *Cerpen Pengalaman dan Tanggapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Azman Bin Awang Pawi. (2008). Muhammad Haji Salleh Sebagai Pengarang Pascakolonial: Analisis Teks dan Konteks. Tesis Kedoktoran. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Azhar Bin Hj. Wahid. (2009). Novel-novel A. Samad Ismail: Suatu Analisis Teori Strukturalisme Genetik-Hegemoni. Tesis Kedoktoran. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Azizi Haji Abdullah. (2007). *Kuras-Kuras Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azriq. (2008). Memperkenalkan Aidil Khalid. (29 Mac 2008). <http://azriq.blogspot.com/2008/03/memperkenalkan-aidil-khalid.html> (Diakses pada 1 Oktober 2017). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faziela Binti Abu Bakar @ Che Din. (2016). Unsur Emosi dan konflik dalam Novel Komsas Pilihan. Universiti Putra Malaysia.
- Hajijah Binti Jais. (2004). Novel-novel Anwar Ridhwan: Penerapan Terhadap Teori Teksdealisme. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Hannanur. (2012). *Audi Alteram Partem*. (11 Ogos 2012). https://www.goodreads.com/review/show/1544775875?book_show_action=true&from_review_page=1 (Diakses pada 1 Oktober 2017).
- Hussin Bin Sarju et al. (2010). *Pendidikan: Matlamat dan Fungsinya*. Universiti Teknologi Malaysia: Edupress.

- Kasmaizun Enuni Binti Mohd Sarji. (2018). *Unsur Alam dalam Kumpulan Cerpen Pilihan Siti Zainon Ismail*. Universiti Putra Malaysia.
- Lim Swee Tin. (2011). *Dinamika Kreatif Penulisan Cerpen*. Shah Alam: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Luc Abdullah. (2012). *Audi Alteram Partem*. (5 Julai 2012). https://www.goodreads.com/review/show/361657691?book_show_action=true&from_review_page=1 (Diakses pada 1 Oktober 2017).
- Mawar Safei. (2009). Nisah Haji Haron dan Cerpen Guaman. <http://dinakan.tripod.com/karya/karya46.htm> (Diakses pada 5 Julai 2017).
- Mohamad Mokhtar Hassan. (2005). *Teori Konseptual Kata Kunci*. Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Daud Bin Ibrahim. (2015). Cinta Kepada Ilahi dalam Puisi Darma Mohamad. Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Fadzil Bin Baharudin. (2010). Teori Psikoanalisis-Estetika: Penerapan Terhadap Kumpulan Sajak-sajak J. M. Aziz. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Mohd Zaki M.Noor. (2005). Erti Sebuah Penciptaan dalam Impian Tsu-Ryi. (20 Ogos 2005). <http://mohdzaki.blogspot.com/2005/08/erti-sebuah-penciptaan-dalam-impian.html> (Diakses pada 10 May 2019).
- Mohd Zariat Bin Abdul Rani. (1999). Bacaan Hermeneutik Terhadap Karya Perang A. Samad Said. Projek Sarjana. Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Radzali Masrum. (2001). *Maksim dan Ungkapan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nazmi Yaakub. (2010). *Cinta Sangkuriang Rindu Oedipus*. (03 Ogos 2010). https://www.goodreads.com/review/show/115127020?book_show_action=true&from_review_page=1 (Diakses pada 26 September 2017).
- Nik Fazli Bin Mohamad. (2015). Puisi Melayu dalam Drama-Drama Noordin Hassan. Universiti Putra Malaysia.
- Nisah Haji Haron. (2002). *Impian Tsu - Ryi Kumpulan Cerpen Remaja*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Nusa Sdn. Bhd.
- Nisah Haron. (September 2009). Rezeki di Tangan Allah. *Dewan Sastera*. 21-23.
- Nor Azlia Binti Jaaffar. (2009). *Haruman Kencana dan Hujan Sudah Teduh* Karya Zaharah Nawawi: Penerapan Teori Feminisme. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Nor Azzah. (2016). *Cinta Sangkuriang Rindu Oedipus*. (17 Julai 2016). https://www.goodreads.com/review/show/1700856410?book_show_action=true&from_review_page=1 (Diakses pada 26 September 2017).
- Nur Aimuni. (2015). *Audi Alteram Partem*. (15 Julai 2015). https://www.goodreads.com/review/show/15734893?book_show_action=true&from_review_page=1 (Diakses pada 8 May 2019).
- Othman Puteh dan Ramli Isin. (2003). *Sejarah Kesusastraan Melayu Modern Cerpen*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (2010). *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Pemikiran dan Struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosnani Binti Md Zain. (2017). Fenomena Sosial dalam Novel Pilihan. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Rozlan Mohamed Noor dan Wan Faizahtul Hilir Yasak. (2011). *Res Judicata*. Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Saroja Theavy A/P Balakrishnan. (2001). Citra Watak Remaja dalam Novel-novel Othman Puteh. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Shahnon Ahmad. (2008). *Weltanschauung Suatu Perjalanan Kreatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sufean Hussin. (2008). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhairah Binti Ismail. (2003). Teori Rasa-Fenomenologi: Penerapan Terhadap Novel-Novel Terpilih Zaharah Nawawi. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Syukri Shaari. (2018). Peguam Anti-ICERD Menang, Siti Kasim Tewas. (2 Disember 2018). <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/peguam-anti-icerd-menang-siti-kasim-tewas-1.797767> (Diakses pada 4 Disember 2018)
- Zalilah Binti Zainudin. (2006). Konseptual Kata Kunci: Aplikasi Terhadap Cerpen-cerpen Karya Keris Mas. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

BIODATA PELAJAR

Norsuhaida Binti Ismail dilahirkan pada 2 Ogos 1990 di Hospital Daerah Tanah Merah, Kelantan. Beliau merupakan anak bongsu daripada 2 orang adik-beradik. Bapa beliau Ismail Bin Abdul Rashid berasal dari Jeli, Kelantan. Pada mulanya Ismail bekerja sebagai seorang tukang rumah. Beliau kemudian beralih kepada bekerja sendiri, iaitu berkebun pada tahun 2002 kerana kesihatan yang tidak mengizinkan beliau untuk melakukan kerja berat. Ibunya pula merupakan seorang suri rumah tangga sepenuh masa. Norsuhaida mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jeli 2 pada tahun 1997. Untuk memenuhi tuntutan ekonomi yang mendesak lantaran daripada kesihatan ayahnya yang tidak boleh melakukan kerja berat, Norsuhaida sering membantu ayahnya menjual buah-buahan di bahu jalan. Beliau kemudiannya melanjutkan pendidikan menengah rendah di Sekolah Menengah Kebangsaan Jeli, Kelantan antara tahun 2003-2005, sebelum melanjutkan pendidikan di peringkat menengah tinggi di Sekolah Menengah Kebangsaan Hamzah (1) Machang, Kelantan dalam bidang ekonomi antara tahun 2006-2007. Pada tahun 2008-2009, beliau mendapat peluang melanjutkan pelajaran di peringkat STPM di sekolah yang sama (SMKH). Minat yang mendalam untuk memenuhi tuntunan pencarian ilmu, seterusnya membawa beliau melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Putra Malaysia dalam bidang kesusasteraan Melayu pada tahun 2010.



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

STATUS CONFIRMATION FOR THESIS / PROJECT REPORT AND COPYRIGHT

ACADEMIC SESSION : SECOND SEM 2018/2019

TITLE OF THESIS / PROJECT REPORT :

PENGARUH PENDIDIKAN FORMAL DALAM CERPEN NISAH HARON DAN
AIDIL KHALID BERDASARKAN KONSEPTUAL KATA KUNCI

NAME OF STUDENT :

NORSUHAIDA BINTI ISMAIL

I acknowledge that the copyright and other intellectual property in the thesis/project report belonged to Universiti Putra Malaysia and I agree to allow this thesis/project report to be placed at the library under the following terms:

1. This thesis/project report is the property of Universiti Putra Malaysia.
2. The library of Universiti Putra Malaysia has the right to make copies for educational purposes only.
3. The library of Universiti Putra Malaysia is allowed to make copies of this thesis for academic exchange.

I declare that this thesis is classified as:

*Please tick (✓)

CONFIDENTIAL

(Contain confidential information under Official Secret Act 1972).

RESTRICTED

(Contains restricted information as specified by the organization/institution where research was done).

OPEN ACCESS

I agree that my thesis/project report to be published as hard copy or online open access.

This thesis is submitted for:



PATENT

Embargo from _____ until

(date)
(date)

Approved by:

(Signature of Student)
New IC No/ Passport No.:

Date :

(Signature of Chairman
of Supervisory Committee)
Name:

Date :

[Note : If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with
the letter from the organization/institution with period and reasons for
confidentially or restricted.]